Sir, I do not disagree with this statement, but I do want, once again, to emphasise what I said in the debate on the supply Bill, that the provisions of all these infra-structures of roads, bridges, etc., are nullified if the land required for economic development is not available, because it is frozen by an antiquated system of land tenure. Land, Sir, is a State subject, but no doubt the Honourable Federal Minister of Lands and Mines should be able to exercise his influence and to advise his Alliance colleagues in the State to tackle the problem with courage and imagination.

Sir, the key to rapid agricultural development in Sarawak lies in the ability or otherwise of the Government to educate the farmers in the hulu to adopt a more settled form of cultivation in place of the shifting form of cultivation of hill padi, which not only lays waste large areas of hill forest but also ruins the land through soil erosion of land from which natural forest cover has been removed. This involves, in fact, Sir, a revolution in methods of farming, which can only be achieved by strong leadership on the part of the State Government. Can this be achieved, Sir, by the present Government is the big \$75,000,000 question contained in these Development Estimates.

Tuan Kadam anak Kiai (Sarawak): Mr Speaker, Sir, during the debate over the Budget speech in which the Honourable Minister of Finance introduced the fiscal policy of the Government, we have heard from various Members of this House the merits and demerits of the said fiscal policy.

Coming to the detailed Estimates, particularly on the Development Estimates, which is tabled before this House at this moment, I feel that I owe it to my electorate to make certain observations. The electorate or taxpayers whom we represent in this House, and I as a taxpayer myself, want to see public money being spent wisely. We expect to reap the most benefit from whatever resources at our disposal. It is a known fact that this nation as a whole is on the way towards progress. We have achieved a relatively stable economic growth in the short years since our becoming a Malaysian nation.

It is only equitable that every Malaysian should enjoy and share the wealth of the country. A balanced growth in the urban and rural economy is essential to reduce the gap between the "haves" and the "have-nots".

As the economy in the agrarian sector is much below that in the urban or in the industrial and commercial sector, it is imperative that more emphasis should be placed on rural development.

It is the duty of the Government to extend social services and the development projects to the more needy rural areas. The Alliance Government, Sir, talks in great detail about development, and the Five-Year Malaysia Plan seems a formidable task. However, much delay and expenses will be incurred if the bureaucratic machinery is not streamlined to the urgency of the development programme. I refer, in particular, to the late arrival of funds from the Central Government for the implementation of works undertaken in the State of Sarawak. For instance, the mosque extension work was held up due to the delay in the allocation of funds. In other instances, when the funds start arriving, it is found to be too late in the year and the works have to be postponed until the next year when an application for a revote will have to be made. Some means of Central control have to be made over the expenditure, but this does not necessarily mean that there should be a strict control involving too much

delay. A strong centralised administration is essential to speed up development work and to race against the inevitable rainy seasons.

I recall, Sir, that at one time when the Minister for Local Government and Housing visited Sarawak, he promised to introduce low housing schemes to the State. It appears that the scheme, as it is now managed, is benefiting only urban dwellers. We often hear Ministers speak of rural development. But apart from minor rural projects, the long house folks especially, do not benefit from the low-cost housing. It is my contention that this sort of scheme should extend to the rural dwellers. If the housing facilities are extended to the rural areas, loan securities should be relaxed considerably to the extent which the people concerned can afford.

Mr Speaker, Sir, touching on education, I would like to make a few comments on the present state of affairs in Sarawak. Judging from the recent release of names of successful candidates sitting for Form VI Examination in 1966, I notice that only a very few, if not a negligible number, of rural pupils made the grade. This could be due to many reasons, one of which may be lack of efficient teaching standards or the lack of educational facilities in the early stages of their educational training. For these reasons, I suggest that a more equitable distribution of qualified teachers be implemented to the rural areas. This can either take the form of inducing well-qualified teachers to the rural areas financially, or alternatively in each strategic area, junior and senior secondary schools should be built and staffed by reasonably qualified teachers to cater for rural children, who could not afford to go to the present centres of higher educational institutions. Admittedly, Sir, one may view that there are already a few such secondary school centres distributed across the State. However, it is obvious that these are not adequate to absorb the students who turn out. Hence, the policy of admitting students on a quota basis, automatically implies the negation of

the privilege for rural students from sitting in higher classes.

Mr Speaker, Sir, I take the liberty to refer you to the statement made by the Director of Education, Sarawak, relating to the results of the Higher School Certificate Examination. On the increase of the number of passes this year, the Director commented that on the basis of the number of passes, he estimated that in a few years time the number of passes will be a few hundred more than this year. Sir, based on this estimation, it is felt that the population of these scholars will warrant the establishment of a university in Sarawak serving the Borneo States. To start a University right-away is a very formidable task, but at least ground-work should be made apparent at this moment. For example, the Ministry of Education would do well to integrate the various training institutions now existing in Sarawak into a University College of the University of Malaya. Thank you, Sir.

Tuan D. A. Dago anak Randan (Sarawak): Mr Speaker, Sir, first of all, I would like to welcome the lengthy and interesting speech made by the Honourable Deputy Prime Minister on the Malaysia Development (Plan) Estimates for the year 1967. I have listened to his speech with care and interest and also have gone through the draft Estimates page by page. As a result, I find out that it is well balanced.

Mr Speaker, Sir, I would like to make the following suggestions and appeals.

Secondly, education—primary education is of paramount importance in Sarawak. Sir, I appeal to the Government to provide more money to Sarawak as most of the Local Council are poor and they cannot afford to stand on their own feet. There are a great number of primary school buildings which need very urgent replacements.

Thirdly, salaries of school teachers—Mr Speaker, Sir, I am deeply concerned with the valuable services of teachers. They work night and day and

they even perform the duties to look after school children to do compound cleaning long before the actual timetable for teaching, and then they come to cover the teaching of the subjects in the time-table.

After school hours, they have to teach children in games. At night, they do corrections and preparations for the next day's scheme of work until 1 a.m. and even up to 2 or 3 a.m. Teachers usually work 20 to 21 hours daily. I, therefore, Sir, appeal to the Government to give favourable consideration to increase their salaries. I am sure, Sir, there will be more people applying for teaching posts if salaries can be increased. Small pay for teachers is one of the reasons why we have far short of teachers in Sarawak.

Fourthly, medical and health services—Mr Speaker, Sir, I appeal to the Government that everything possible should be done to encourage doctors or specialists for Sarawak who can give treatment to a person who gets a certain kind of disease. These diseases are very uncommon but very dangerous. Mr Speaker, Sir, once a person gets it, he or she has to die, as there is nobody who can cure such diseases. These diseases usually appear or occur swollen on the side of a patient's neck.

Fifthly, Agriculture—Mr Speaker, Sir, I so much regret to note that the price of rubber has been declined for some time. As a result, thousands of acres of rubber trees have been left untapped because rubber tappers preferred to look around for other employment. I appeal to Government to do everything possible to find ways and means to increase the price of rubber, so that the rubber tappers may return and resume their jobs.

Sixthly, Village Development—Mr Speaker, Sir, the Government has done, is still doing, and will be doing good job by building and providing low-cost housing schemes for the people in the R.P.S. (B) areas—but that is not enough. Mr Speaker, I, therefore, suggest that the Government should

extend such assistance or privilege to those people who participate in R.P.S. (A).

Seventhly, Roads, and Bridges—Mr Speaker, Sir, roads, and bridges are very essential. We want to make easier communications not only for the sake of convenience but also for easy access, which is necessary for all sorts of development. By constructing more roads and bridges I am sure, Sir, all sorts of developments can be implemented more easier and quicker. Mr Speaker, Sir, I consider it is necessary for the Government to allocate more funds for roads and bridges construction.

Eighthly, National and Rural Development—Mr Speaker, Sir, although a reasonable amount has been allocated for the purpose of rural development, but I feel it is necessary to review the estimates from time to time.

Ninthly, National Museum, Mr Speaker, Sir, I so much regret to say here that there is nothing at all of the Land Dayak articles being displayed here in the National Museum at the Federal Capital. I, therefore, Mr Speaker, Sir, suggest that the Government should do something about it at all costs.

Tenthly, Religious Buildings—Mr Speaker, Sir, I feel it is necessary for the Government to give continuous financial assistance for building mosques, suraus, but I appeal to the Government that such financial assistance also should be given fairly for the building of churches and temples and other religious buildings as these are the best places for shaping and moulding our children's character or behaviour, for instance, to teach them how to love their neighbours.

Finally, Mr Speaker, Sir, in conclusion I would like to express on behalf of the people of Sarawak and myself my deep depth of gratitude and appreciation towards the valuable services and assistance the Federal Government has given us both in the past and the present. We, in Sarawak, have full faith and confidence in the

Federal Government and are looking forward for even better services and assistance from the Federal Government in the future. We in Malaysia Timor are always grateful to both the Federal Government and the people of Malaysia Barat or Western Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I support the motion. Thank you, Sir.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di-dalam membincangkan peruntukan pembangunan negara pada tahun ini. Dalam mempersoalkan pembangunan² yang telah di-kendalikan oleh Kerajaan dan apabila mendengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, maka di-sini dengan sa-pintas lalu dapat-lah terbayang kepada kita segala pembangunan yang merupakan perubahan yang baharu kepada negara kita. Maka dengan yang demikian, perubahan² baharu ini dapat-lah menolong atau menjadi kegunaan dan bahan yang besar bagi penduduk² di-luar bandar meninggikan taraf hidup mereka semua. Maka apakala menjalankan segala rancangan dan tugas yang berkait dengan Pegawai Kerajaan dan Penduduk² di-luar bandar, maka di-sini dapat-lah kesulitan² yang mana tidak begitu besar yang kita pandang, yang tidak begitu merosakkan yang kita dapat.

Maka di-sini datang-lah satu anjakan yang di-katakan musoh di-dalam selimut, merupakan perkara² yang tidak begitu di-ingini, supaya menjadi bahan besar bahawa pembangunan luar bandar ini tidak begitu menguntongkan ra'ayat di-luar bandar. Musoh² yang sa-umpama ini, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah musoh ketat bagi masyarakat di-luar bandar. Kerana musoh yang sa-umpama ini-lah yang akan merachun keseluruhan ra'ayat di-luar bandar. Ra'ayat di-luar bandar tidak begitu mengerti apa-kah kehendak², kemahuan² dan tujuan² Kerajaan yang sa-benar-nya sa-kira-nya kalau kita tidak menyampaikan, menunjukkan dan menerangkan dengan sa-halus²-nya.

Sa-paroh daripada sa-paroh yang ada mempunyai kuasa di-dalam melancarkan ranchangan pembangunan luar bandar ini, sengaja² memesonkan kepada matalamat yang di-kehendakkan. Umpama-nya baharu² ini, Dato' Yang di-Pertua, suatu perkara berlaku di-Sarawak. Ini-lah satu daripada musoh ketat kepada ra'ayat di-luar bandar. Kerana dengan keadaan yang demikian boleh tidak mententeramkan negara kita ini, dan jika negara tidak tenteram, maka keseluruhan-nya tidak dapat kita buat.

Ada pula sa-paroh daripada sa-paroh pegawai² yang berkenaan, lain tujuan dan lain maksud, ka-lain di-pesonkan. Jadi ini mengechewakan segala daya dan usaha kita melancarkan pembangunan di-luar² bandar. Apa yang saya kehendakkan supaya kesemua pejabat, kesemua Kementerian dapat menyalorkan satu pengertian dan kaseh-sayang seperti yang di-sampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dalam ucapan-nya mengatakan, ada-lah keutamaan daripada segala keutamaan kepada negara ini patut di-tumpukan. Jadi oleh yang demikian, segala pejabat² hendak-lah mengadakan satu rupa ko-ordinasi di-antara satu sama lain dan di-antara satu pejabat dengan pejabat² yang lain. Kerana kalau di-persoalkan di-dalam Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar di-daerah², maka di-sini kita dapati kepinchangan di-dalam melaksanakan satu² ranchangan. Umpama-nya, kalau-lah kita bertanya apa-kah hal kesah MARA di-waktu ini terhadap dasar hendak melancarkan satu² gerakan supaya perusahaan² dalam kawasan yang tersebut dapat di-laksanakan. Mereka akan tidak dapat menjawab dengan terus, mereka akan minta tempoh supaya dapat diminta daripada atas.

Demikian juga jika kita menghadapi satu² kawasan itu untuk di-bangunkan maka dengan ini juga maka Jabatan Taliayer berkata nanti kami akan siasat dan Jabatan Kerja Raya kata ini tidak begitu baik. Jadi di-dalam keadaan ini dapat-lah kita umpamakan penyaloran fikiran yang di-satukan itu tidak dapat di-kembang-

kan kepada keseluruh pegawai² yang bersangkutan. Kalau sharikat kerjasama di-tugaskan supaya mengawasi segala sharikat² kerjasama yang ada di-luar² bandar apabila di-tanya apakah kemajuan kepada sharikat kerjasama ternakan ayam di-Kanchong Darat, maka jawab-nya belum dapat butir² itu lagi. Maka ini kesemua-nya tidak dapat di-awasi keadaan dan kaedah yang di-kehendaki sa-benar²-nya di-dalam dan di-luar bandar yang ada pada hari ini.

Khusus-nya, Dato' Yang di-Pertua, pegawai² rendah yang ada di-dalam daerah² ini hendak-lah di-beri kursus dengan sa-benar² kursus dan kursus ini hendak-lah di-sampaikan bukan sahaja kursus kepada pegawai itu tetapi pegawai itu juga mesti menyampaikan kursus-nya kepada penduduk² di-kampung² tempat kawasan-nya yang berkenaan. Kerana tidak ada menjadi kesulitan besar di-hari ini kalau berkehendakkan tempat untuk menyampaikan kepada jalan² semua-nya telah ada segala kemudahan yang di-adakan oleh Kerajaan pada hari ini.

Maka saya berharap pegawai² ini akan menggunakan kemudahan itu untuk penduduk² di-luar bandar. Kalau-lah kebanyakan berkata, "Balai Raya di-dirikan tidak ada apa gunanya," maka ini-lah satu daripada kegunaan-nya sa-lain daripada menjadi sekolah dewasa. Kursus² ini patut di-beri bukan hanya sa-bagai menyampaikan buah fikiran dengan sa-chara berchakap, menyampaikan buah fikiran-nya sa-chara bertulis, tetapi ia hendak-lah juga dengan sa-chara practical di-sampaikan supaya penduduk² di-luar bandar tahu benar² bagaimana chara-nya hendak menchamorkan baja, hendak di-baja kepada satu² pokok, berapa-kah anggaran, berapa-kah banyak-nya dan berapa-kah kekuatan kepada pokok dan tanah yang di-kehendaki di-bajakan. Keadaan² yang berlaku, perkara² yang sumpama ini, selalu di-rungutkan oleh penduduk² di-luar bandar. Kerana mereka ada-lah kekurangan serba serbi—kekurangan pengetahuan, kekurangan kewangan, kekurangan sa-bagai-nya.

Jadi oleh yang demikian, kalau-lah di-tiap² Jabatan dapat memberikan kerjasama apa-kah guna-nya tali-ayer di-adakan di-tiap² kampung kegunaan itu dan mereka akan dapat menjaga-nya dengan sendiri-nya. Jikalau tali-ayer itu di-jaga baik dan tanah² di-dalam kawasan itu di-jaga baik maka pulah-lah segala tumbuh²an. Ini semua-nya dapat di-sampaikan kepada mereka² semua.

Satu perkara yang chukup menyedehkan saya, Dato' Yang di-Pertua, kalau dapat di-bela-lah orang² yang sa-umpama ini kerana mereka-lah sa-olah² di-waktu ini ketinggalan sama sa-kali. Mereka² ini ia-lah penureh² getah, pekerja² yang di-ladang² besar dan apabila mereka telah tidak di-gunakan sa-bagai penoreh atau sa-bagai pekerja² di-ladang² getah, maka kedudukan mereka kuchar-kachir-lah dan terlepas begitu sahaja.

Oleh yang demikian di-dalam pembangunan negara kita ini boleh-lah kita menguntokkan khas kepada perkerja² sa-umpama ini supaya kehidupan mereka di-hari yang akan datang, bagi keturunan mereka yang akan datang, tidak hanya terletak kepada sa-bagai penoreh getah atau pun sa-bagai pekerja² di-ladang² besar sa-lama²-nya. Ini berkehendakkan penerangan yang lebih jauh, penjelasan yang lebih jauh kepada mereka² itu. Ini mereka hanya tahu kalau dia potong sa-kati maka dia dapat sekian banyak wang-nya. Tetapi ini tidak-lah merupakan sa-bagai satu pendapat atau pun ekonomi yang tegas dan baik. Keseluruhan bagi anak² mereka ada-lah di-dalam sekolah paling tinggi dapat kelulusan sekolah rendah sahaja. Apabila mereka hendak meningkat ka-sekolah menengah, maka mereka berfikir dua kali ada-kah sama chukup atau pun tidak. Bagi persekolahan dan pelajaran, Dato' Yang di-Pertua, dapat-lah kita banggakan di-waktu ini dan dapat-lah kita sanjong tinggi kaedah dan keadaan-nya.

Walau bagaimana pun saya suka juga-lah menarek perhatian Menteri yang berkenaan supaya segala bangunan² berkenaan sekolah² ini apabila

meranchangkan, menetapkan keutamaan, pandang-lah ia-itu kepada priority-nya, pandang-lah kepada tempat² yang belum ada sekolah, yang jauh daripada sekolah menengah, maka keutamaan hendak-lah di-berikan kepada tempat² yang demikian dan demikian juga kepada bangunan² yang akan di-bangunkan dalam kawasan² yang belum ada mempunyai rumah sakit, hospital, klinik dan sa-bagai-nya. Jangan-lah tempat yang sudah ada walau pun burok tetapi dia telah ada jangan di-barukan rumah itu dan tempat yang tidak ada di-tinggalkan dan tempat belum ada di-perbaiki.

Saya harap tukar chorak kerja yang ada di-perelokkan sedikit, di-bangunkan di-tempat yang belum ada. Umpama-nya di-kawasan saya sana patut-nya telah ada hospital-lah, Dato' Yang di-Pertua, kerana di-kawasan saya, Kuala Lumpur, ada 60,000 penduduk, hospital ada-lah jauh di-Klang, tetapi ada mempunyai Pusat Kesihatan, sesudah masuk hampir daripada tahun 1959 sa-hingga hari ini tak usahkan kita berkehendakkan bangunan rumah sakit malahan saya minta 10 tempat tidor (10 beds) untok orang² sakit sementara di-tempatkan dan di-hantar-kan ka-hospital, ini pun belum dapat di-laksanakan. Oleh yang demikian itu-lah yang saya sampaikan tadi dalam mengadakan kaedah dan keadaan yang sa-umpama ini hendak-lah di-utamakan tempat yang belum ada.

Lagi satu perkara di-dalam pembangunan ini juga-lah yang saya sampaikan di-atas pengeluaran² petani² kita—peladang² kita. Pengeluaran² bahan mentah ini banyak yang telah di-keluarkan oleh petani² dan pasaran-nya tidak begitu memuaskan. Terkadang² kita dapat bahawa pasaran ini terlalu meleset, terlalu kurang harga-nya, kerana bahan yang datang daripada luar terlalu banyak pula umpama-nya kopi—tempat saya banyak kopi, Dato' Yang di-Pertua. Oleh kerana banyak-nya kopi datang daripada luar maka kopi di-dalam negeri ini jatuh, maka penghidupan orang² di-kawasan saya yang sa-umpama itu yang hanya terletak di-atas keadaan harga kopi meleset sama sa-kali terus lebih dahshat

daripada harga getah—tetapi ada pula ketika² yang bagini barang itu boleh naik. Jadi ini di-sebabkan oleh kemasokan barang yang tidak begitu diawasi oleh keadaan dan kedudukan kita di-hari ini, maka barang ini boleh di-gondak-gondekkan sahaja kehendak² si-pembeli.

Apa yang saya maksudkan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, kalau-lah perusahaan yang kita keluarkan di-dalam negara kita dapat pengawasan, dapat perlindungan, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan bahan² mentah yang di-keluarkan di-dalam negeri ini juga dapat perlindungan dan dapat pengawasan daripada pihak yang berkenaan. Jadi dengan ini maka dapatlah sa-banyak sedikit terjamin-lah segala daya dan usaha tenaga mereka mengeluarkan barang² mentah yang lebih baik lebih banyak dan lebih besar.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan dalam masa perbathatan Anggaran Pembangunan tahun 1967 ini saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana dapat meletak dan meng-untukkan jumlah yang bagini besar bagi pembangunan negara kita. Walau pun pada hakikat-nya jumlah ini tidak memadai bila di-bandingkan dengan perkembangan yang chepat, kesedaran ra'ayat berkehendakkan perubahan itu sesuai dengan taraf ra'ayat negeri yang merdeka ini.

Mr Chairman: Persidangan ini di-tempohkan selama 15 minit.

Sitting suspended at 11.42 a.m.

Sitting resumed at 12.00 noon.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debates resumed.

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, menyambungkan ucapan saya sa-belum Dewan ini berehat, sa-bagaimana saya katakan tadi, bahawa pada hakikat-nya jumlah

yang di-untukkan ini tidak memadai bila mana di-bandingkan dengan perkembangan yang chepat dari kesedaran ra'ayat mengharapkan perubahan hidup yang lebih baik sesuai dengan taraf ra'ayat sa-buah negara yang merdeka—terutama sa-kali suara² dari kawasan pendalaman dan luar bandar, baik dalam lapangan pelajaran, lapangan kesihatan, kemasharakatan ia-itu kesedaran yang timbul sa-telah kita men-chapai kemerdekaan ini. Oleh sebab hendak memperimbangan pendapatan dan belanjawan negara, bagi soal pembangunan negara kita ini, kita harus mengkaji sumber² yang lain yang boleh mendapatkan kewangan negara.

Kita harus mengkaji, umpama-nya, bagi membesarkan Jabatan Kajibumi dengan di-perlengkapkan bagi mengetahui khazanah yang tersimpan di-bumi kita ini, mungkin kita dapat membongkar khazanah yang terpendam yang kelak boleh di-usahakan untuk menambah hasil negara ini. Ada banyak bahan² yang boleh mendatangkan hasil seperti minyak, arang batu, batu besi dan lain² yang harus kita selideki dengan chermat kerana bahan² ini ada dalam negeri ini. Dalam barang² pertanian pula seperti pisang, ubi kayu, nenas dan lain² yang boleh di-exportkan dengan chara besar-an. Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya Thailand, sang-gup mengexportkan jagong-nya sa-banyak \$18 juta sa-tahun dan \$40 juta pisang yang di-exportkan ka-negara Jepun dari Formosa. Mengapa negara kita tidak dapat berbuat demikian, sedangkan kesuburan tanah kita mempunyai kesanggupan bagi mendapatkan pisang dan jagong yang baik?

Rombongan kita bertukar ganti melawat keluar negeri bagi mempelajari masaalah petani di-negara² sahabat, sedangkan pada hakikat-nya kita masih belum bergerak ka-arrah yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengkaji sa-mula penjualan bijeh dan getah kita bagi pasaran dunia dengan tidak melalui agent² di-luar negeri. Mengapa Phillipines membeli getah asli kita dari Amerika? Dan mengapa

kita membeli kopi dari Brazil? Sedangkan kedua² negeri ini ada-lah negara ASA yang mempunyai perhubungan rapat bukan sahaja dari segi kebudayaan tetapi dari segi kemasharakat yang saling mengerti.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bersefahaman dengan Inggeris dan Amerika sa-lagi kepentingan permodalan-nya tidak tersinggong. Andai kata, timbul perselisihan maka barang sudah tentu kemajuan pembangunan kita tersinggong sama. Tuan Yang di-Pertua, sa-kali pun pada kesimpulan-nya dalam tempoh Rancangan Lima Tahun yang kita rancangkan ini kita tidak dapat membiayai keperluan import kita, tetapi usaha yang itu harus-lah di-majukan dalam perusahaan pertanian di-negara kita ini sa-chara besar²an. Usaha membanyakkan buah² tempatan, usaha mengtinkan buah² itu, usaha memelihara lembu, kambing bagi mendapatkan susu atau daging atau lain² harus di-pelupori oleh Kerajaan sa-chara besar²an. Jabatan Haiwan kita dan Jabatan Pertanian kita mempunyai banyak pakar² yang boleh kita mengambil nasihat berkenaan dengan usaha ini yang kita hendak salorkan bagi kemajuan perusahaan pertanian dalam negara kita.

Dalam masa MARA atau Majlis Amanah Ra'ayat atau FAMA atau lain² usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat bumiputera atau ra'ayat di-luar bandar, saya maseh hairan mengapa Kementerian Kebudayaan, umpama-nya, maseh mendiamkan diri dalam soal pembangunan segi kebudayaan dalam dunia perfileman. Kita maseh ketahu, Tuan Yang di-Pertua, dunia perfileman di-negara kita ini di-monopoli oleh satu dua orang manusia sahaja, sedangkan usaha dunia perfileman ini bukan sahaja boleh mendapatkan hiburan tetapi boleh membentuk fikiran dan budi pekerti ra'ayat negeri ini.

Mengapa kita membiarkan Sharikat *Straits Times*, umpama-nya, dalam segi perusahaan yang tidak di-modal oleh ra'ayat negeri ini berjalan terus-menerus? Mengapa director-nya maseh sanggup dudok 7,000 batu jauh-nya

daripada negeri kita ini bagi mengarah dan di-arahkan perkhidmatan-nya dalam negara kita ini? Kalau sa-kira nya berlaku perselisihan di-antara kuasa luar dengan Malaysia umpama-nya—ini perkara bukan mustahil, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan tidak ragu² *Straits Times* akan membuat perdirian atau satu talam dua muka atau sa-kurang²-nya membisukan dalam kedudukan perbalahan ini.

Jadi ini satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita tidak memalaysiankan perusahaan² akhbar dalam negara kita. Sekarang ini kita tidak sa-kali menuntut kapada Kerajaan supaya memalaysiankan semua perusahaan dalam negeri ini, apa yang kita mahu supaya saham hendak-lah di-modal—untuk di-sahami oleh ra'ayat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, surat khabar ia-lah satu alat yang memupok jiwa ra'ayat, jika pembangunan dan peneroka, jiwa pahlawan dan kesasterian, surat khabar juga menjadi juara dalam beberapa masaalah dan pendamai dalam satu² masaalah yang lain pula. Dia mempunyai pengaruh yang besar bukan sahaja dalam negeri tetapi di-luar negeri sama. Mahu pun keadaan ini umpama-nya satu chontoh yang saya maksudkan maseh kita mendiami, saya memandang berat, Tuan Yang di-Pertua, soal-nya perkhbaran sebab sa-bagaimana saya katakan tadi, kerana peranan membentuk jiwa ra'ayat, saya tidak hairan kalau; saya tidak akan menyentuh, umpama-nya, satu sharikat membuat tayar umpama-nya, tidak di-modal oleh ra'ayat negeri ini atau di-sahami oleh ra'ayat negeri ini kerana ini tidak begitu melibatkan fikiran dan jiwa ra'ayat.

Dalam masa kita melancharkan gerakan pembangunan negara ini, ra'ayat juga sa-harus-nya tidak-lah sa-mata² meminta. Tetapi ra'ayat juga harus memberikan sa-suatu agar chita² Kerajaan menyatukan ra'ayat yang berbilang kaum menjadi satu bangsa yang bersatu akan tercapai lebeh chepat dan lebeh mudah. Dalam masa-alah ini, Tuan Yang di-Pertua, keikhlasan pegawai² kita dari semua peringkat

harus-lah ada dan telah pun ada dan dapat di pertebalkan yang maseh tebal perimbangan fikiran-nya itu kepada chita² Kerajaan. Kita tidak harus samata² menumpukan khidmat kita samata² kepada gaji. Dalam masa kita membangun ini pegawai² Kerajaan maseh mempunyai satu kedudukan yang tinggi dalam segi keperibadian dan perkhidmatan-nya. Kita tidak mahu dalam dunia yang merdeka ini sa-saorang pegawai Kerajaan bersikap kuku besi menunjukkan kemewahan dan kebesaran sa-bagaimana yang telah pernah di-ucapkan oleh rakan² saya dalam Dewan ini. Dalam segi inilah kita mohon kepada pegawai² Kerajaan, sa-kali pun jumlah sumpama itu tidak banyak, tetapi sa-ekor kerbau membawa lumpor semua habis terpalit. Saya berharap kepada kakitangan dan pegawai Kerajaan akan memahami hakikat ikhlas daripada ucapan saya ini akan mendapat fahaman yang baik hendak-nya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saya dalam soal pelajaran negara ini. Saya sedar Kerajaan sedang berusaha membaiki mutu pelajaran di-negara kita seluroh-nya di-samping membetulkan kemudahan² persekolahan dan mutu pengajaran persekolahan di-luar bandar dengan kawasan dalam bandar, bagi tujuan memperkokohkan pelajaran kebangsaan bagi perpaduan ra'ayat tetapi walau macham mana pun, Tuan Yang di-Pertua, hendak-nya Kerajaan tidak melemahkan tugas menjadikan bahasa pengantar Melayu lagi matalamat utama-nya untuk memperkokohkan pelajaran kebangsaan bagi menggalakkan perpaduan ra'ayat di-dalam negara kita ini. Dasar pelajaran yang telah kita sahkan maseh terbentang di-hadapan kita. Kita harus mengikut dasar itu dan harus kita tidak pula menyimpang dari apa yang telah diputuskan kerana ini ada-lah kehendak ra'ayat, ra'ayat yang menjadi kewatanan hak yang utama dalam negeri ini.

Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin sa-kali, umpamanya, melihat sa-buah maktab dan pusat latehan guru² bagi sekolah menengah Melayu yang bahasa pengantar bahasa kebangsaan dapat di-dirikan di-

Malaysia ini berasingan dengan pusat² yang ada sekarang ini yang demikian akan menambahkan baik lagi mutu pengajaran dari segi pengajaran dalam bidang bahasa pengantar Melayu kelak.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan mengambil satu langkah yang bijak bagi memberhentikan gerakan kerja mengikut peratoran yang telah dilakukan oleh sa-bahagian guru² di-Malaysia ini. Kita mengutok tindakan itu kerana memeralatkan kanak² jadi umpan dalam perjuangan-nya, bagi umpan dalam perjuangan-nya menjayakan hak²nya menurut gerakan kesatuan sa-kerja di-dalam negeri ini. Perkara ini bukan sahaja melibatkan maruah negara tetapi melibatkan nasib kanak² itu sendiri manakala telah besar kelak, dan tidak kurang melibatkan mutu perkhidmatan guru² dalam negara kita.

Sa-bagai sa-orang bekas guru bukanlah kerana sekarang saya menjadi Ahli Dewan ini tetapi saya mengutok tindakan ini. Ada banyak tindakan yang patut kita lakukan dengan tidak menggunakan gerakan mengikut peratoran yang melibatkan kepada kanak² dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, rasa-nya tidak chukup garam dalam ucapan saya jikalau saya tidak menyentuh perkembangan orang Asli dalam Budget dasar pembangunan ini. Salah satu daripada tujuan ranchangan Malaysia yang pertama ini di-kemukakan ia-lah untuk mendidek dan melateh ra'ayat Malaysia dalam semua lapisan semua gulungan, semua bangsa mengambil bahagian yang chergas dalam lapangan ekonomi dan masharakat.

Sudah nyata dan terang, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana timbul-nya mata hari di-langit, yang demikian kita harus mengkaji bagaimana orang asli ini, yang sa-bahagian daripada ra'ayat Malaysia ini, juga mengambil bahagian dalam ekonomi dan pembangunan. Kita ketahu² bahawa ada ura² Kerajaan hendak memperletakkan pentadbiran yang penoh bagi kebajikan dan kemajuan orang asli di-bawah pandangan dan pentadbiran sa-orang Persurohjaya di-bantu oleh beberapa

orang Penolong Persurohjaya kelak. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, langkahan yang di-kemukakan ini tidak begitu bijak dengan ini hanya-lah kita dapat menyerahkan satu kaum kadalam tangan beberapa kerat manusia sedangkan ini bererti menyerahikan nasib mereka kaum itu kepada satu tangan sedangkan kegiatan dari ranchangan itu kelak kalau sa-kira-nya timbul kegagalan, akan melibatkan nama baik Kerajaan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat peluang melawat keluar negeri setelah saya melihat ranchangan Kerajaan negeri yang saya lawati, saya mengakui dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan kita baik dalam segi hendak memasharakatkan—*mengintegrasikan* orang² asli. Tetapi menyerahkan kepada sa-orang, satu tangan atau satu manusia atau beberapa manusia lagi bagi kebajikan dan kemajuan orang asli seluruh-nya, saya fikir tidak-lah begitu berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita melawat ka-Taiwan kita akan sampai satu tasek bulan mata hari—sun moon lake—kita akan di-datangi oleh orang asli di-tempat itu. Menjual-lah mereka beberapa banyak barang chendera mata dan kita dapat-lah dengar beberapa patah perkataan yang menyayat hati kita ia-itu bahasa Melayu yang kita gunakan ini ia-lah bahasa Melayu kita di-sini. Teringat-lah kita kepada zaman beberapa kurun Sri Wijaya dahulu pada masa empire Melayu maseh tegap dalam negara alam ini dari Madagaska ka-Meruki maka ada sa-bahagian peneroka, ada sa-bahagian ahli pelayaran yang gagah sampai kapulau Taiwan, sekarang Formosa, maka hari ini timbul-lah mereka itu sa-bagai kaum aborigines negeri itu, tidak boleh di-nafikan, Tuan Yang di-Pertua, sejarah membuktikan.

Jadi, apa-lah keadaan ini akan kita lakukan lagi di-negeri kita ini? Pengalaman sejarah tidak akan berulang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang demikian saya berharap, saya telah dua tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam Dewan ini pada masa itu Yang Berhor-

mat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada dalam Kementerian yang berkenaan memohon supaya sa-buah Jawatan-kuasa Peringkat Kebangsaan di-tubuhkan bagi membincangkan, menchadangkan dasar kebangsaan bagi orang² asli ini supaya boleh mereka di-dideki dengan sa-berapa chepat yang boleh di-intergerasikan di-dalam masha-rakat kita.

Kita ada-lah satu jenis bangsa, Kerajaan yang mendahului daripada Kerajaan² yang lain, jikalau usaha kita tumpukan kepada mereka itu. Pegawai Pemulehan yang ada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Pelindung yang ada hari ini, saya tidak-lah berat kalau saya katakan Pegawai Penjengkok orang² asli. Apa yang kita mahu, Tuan Yang di-Pertua, kita mengumpulkan mereka itu dalam satu kumpulan yang besar. Kita menggunakan undang²—kuasa undang²—mengumpulkan mereka itu. Kita menyediakan kebajikan mereka itu sa-bagaimana kita telah menyediakan Ranchangan² Tanah Persekutuan sumpama-nya bagi nasib mereka itu, kemudahan perubatan, pertanian dan sa-bagai-nya. Jadi, ini-lah harapan yang saya kemukakan dan telah di-kemukakan oleh sahabat saya daripada Kuala Trengganu Utara dalam Dewan ini sebelum saya beruchap beberapa hari telah sudah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini dapat di-pertimbangkan oleh Kerajaan supaya menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Peringkat Kebangsaan bagi mentadbirkan kemajuan dan kebajikan orang² asli itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah menaruh sa-barang perasaan kepada sa-barang pegawai dalam Jabatan Orang Asli. Saya harap tidak salah faham dari pegawai² Kerajaan yang berkhidmatan dalam Jabatan Orang Asli ini, tetapi apa yang saya katakan ini adalah keikhlasan dari jiwa saya sendiri dan saya memandang usaha yang tinggi daripada mereka itu tetapi untuk membaiki keadaan ini, beberapa chadangan harus-lah di-pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka jugalah hendak menghabiskan ucapan saya pada pagi ini dengan menyentoh sedikit

perkhidmatan Letrik Negara. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Lembaga Letrik ini ia-lah sa-buah Lembaga yang terkanun, yang di-kawal oleh dasar Kerajaan. Kita hormati, tetapi apa yang mengechewakan harapan kita, Lembaga Letrik Pusat ini maseh mengimbangkan dasar commercial-nya daripada dasar kebajikan; tempat yang tidak meng-untongkan Lembaga Letrik, tidak akan di-beri kemudahan api letrik.

Dua bulan dahulu dalam akhbar *Utusan Melayu* di-bentangkan satu kenyataan yang terang dan beberapa orang² Ahli Dewan Ra'ayat Negeri Selangor menyatakan bagaimana kepinchangan perjalanan Lembaga Letrik Pusat ini kerana menimbangkan soal commercial-nya—perusahaan-nya—lebeh daripada menimbangkan kebajikan ra'ayat. Saya tidak-lah hendak melimparkan lagi kepada Lembaga Letrik Pusat ini, tetapi apa yang saya malu, di-bandar Jerantut, sa-buah Jajahan, Tuan Yang di-Pertua, penduduk ada 5,000 orang lebeh, beberapa perusahaan kilang papan dan lain², beberapa sekolah telah ada, memohon supaya di-buat ranchangan terus 24 jam pun tidak dapat layanan.

Saya tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik akan memberi kemudahan ka-kampong². Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah lagi Lembaga Letrik ini mempunyai kedudukan timbangan, fikiran-nya pada segi commercial lebeh daripada segi kemasyarakatan, saya menyeru, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kerajaan supaya mengambil aleh sa-chara langsung Lembaga Letrik ini di-bawa ka-bawah kedudukan hak² Kerajaan yang terus-menerus. Ra'ayat mahu kemudahan. Ra'ayat di-dalam bandar banyak kemudahan pelajaran. Anak² di-luar bandar tidak banyak kemudahan², kadang² dengan sebab yang masalaah² yang tertentu. Jadi, saya perchaya Lembaga Letrik boleh memberi perimbangan kemajuan ini, jikalau sakra-nya tidak mementingkan soal commercial-nya lebeh dari soal kebajikan ra'ayat. Jadi, saya berharap Lembaga Letrik ini akan dapat menimbangkan kedudukan ini dalam segi perkhid-

matan-nya. Jadi, dengan izin tuan, saya mohon berhenti. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan Development Estimates ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Pembangunan yang ada pada masa ini ia-lah Ranchangan Pembangunan Yang Ketiga ia-itu Ranchangan Pembangunan Malaysia bagi tahun yang kedua. Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang Kerajaan mengadakan Ranchangan Pembangunan ini ia-lah untok hendak memperbaiki kedudukan ra'ayat jelata bukan sahaja di-dalam segi ekonomi bahkan juga di-dalam sa-kalian segi sama ada pelajaran, kesihatan dan lain² lagi, dengan tujuan apabila di-adakan Ranchangan Pembangunan ini dapatlah Kerajaan memperbaiki nasib ra'ayat jelata di-dalam segi² yang tersebut dan dapat mencapai satu matalamat yang di-pandang mustahak bagi penghidupan ra'ayat jelata sekalian-nya.

Sekarang ini suka-lah saya hendak mengambil atau menarek perhatian Kerajaan di-dalam segi yang sangat² penting ia-itu dari segi kesihatan. Sa-bagaimana yang kita telah ketahui bahawa sa-nya penduduk² di-luar bandar, mereka itu telah dan sedang mengalami bermacam² penyakit yang telah menyebabkan kesihatan mereka itu burok, dan apabila mereka itu mengalami bermacam² penyakit yang tersebut, tidak-lah dapat mereka itu menjalankan tugas² mereka itu sa-bagaimana yang di-kehendaki.

Baharu² ini di-dalam Dewan yang mulia ini kita telah mendengar bahawa sa-nya kesihatan ra'ayat jelata yang dudok di-dalam kawasan luar bandar sangat-lah menyedihkan hati. Kerana sa-bagaimana yang kita telah ketahui, mengikut report kesihatan yang telah di-keluarkan baharu² ini bagi tahun 1954, tiap² sa-ribu orang di-Pantai Timor, khas-nya di-Trengganu, dua-belas orang lebeh yang mati, wal-hal di-Selangor, di-sini, tiap² sa-ribu orang chuma-nya enam orang sahaja yang mati. Dari angka ini, dapat-lah kita

ketahui bahawa penduduk², khususnya di-Pantai Timor dan 'am-nya disakalian kawasan luar bandar, sedang mengalami penyakit² yang bermacam². Bahkan di-dalam kenyataan dan jawapan yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa-wasa daripada 168 kampung di-Pantai Timor 90% daripada penduduk-nya mempunyai kuman penyakit demam kura atau malaria, dan di-Kedah daripada 160 kampung lebih 80% daripada penduduk² di-sana mengalami penyakit yang tersebut juga. Ini keadaan yang sangat-lah menyedehkan. Kita tahu kalau sa-kira-nya ra'ayat tidak sehat dan kesehatan mereka itu burok, tidak-lah dapat mereka itu menjalankan tugas² mereka itu seperti menanam padi, menoreh getah dan menjalankan kerja² pencharian kehidupan yang lain² lagi dengan sempurna-nya. Ini-lah yang menyebabkan *low productivity* ia-itu pengeluaran yang sangat rendah oleh penduduk² kampung. Satu daripada sebab yang penting ia-lah kerana kehidupan mereka itu sangat burok. Oleh sebab keburokan kesehatan mereka itu tidak-lah dapat mereka itu menumpahkan tenaga mereka itu 100% untuk menjalankan tugas² mereka itu yang dipandang mustahak.

Kita, baharu² ini ada mendengar bahawa-wasa satu pertubuhan nama-nya Malayan Medical Association telah membuat satu kenyataan ia-itu oleh Pengerusi (Chairman) bagi persatuan ini bahawa-wasa Kerajaan hendak-lah melantek satu *Royal Commission* untuk menyiasat keadaan kedudukan kesehatan lebih² lagi kesehatan orang² yang duduk di-luar bandar. Tetapi mengikut keterangan yang telah di-beri di-dalam soal yang berjawab dengan bertulis, bahawa-wasa Yang Berhormat Menteri Kesehatan mengatakan, tidak ada *representation* (perwakilan) daripada persatuan ini datang meminta kapada-nya supaya di-adakan *Royal Commission* untuk menyelidik kedudukan kesehatan ra'ayat jelata di-dalam negara kita, lebih² lagi kedudukan kesehatan orang² kampung.

Saya harap dan minta kapada Yang Berhormat Menteri, tidak-lah payah

lagi menunggu ketibaan *representation* ini, bahkan hendak-lah Yang Berhormat Menteri itu dengan sendiri-nya mengambil satu langkah untuk di-adakan *Royal Commission* ini buat menyelidik kedudukan kesehatan orang² kampung.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan sedikit ia-itu tiada *representation* katanya daripada Persatuan Doktor² tadi—benar; dan faedah-nya untuk di-adakan *Royal Commission*—itu tidak payah lagi di-adakan, kerana kita sendiri sudah ketahu. Yang kita kehendakkan sekarang ia-lah kewangan \$118 juta yang kita hendak chari untuk hendak memberi faedah² kesehatan kapada orang² kampung—orang² di-luar bandar. Bukan-nya kita hendak siasat, kita sendiri sudah tahu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan pembangunan yang ada dihadapan kita ini, di-muka 22 di-bawah Kepala 123—Rural Health Services, termasuk-lah Rural Health Scheme—peruntukan chuma sa-banyak \$3,126,720. Kita tidak tahu di-dalam \$3,126,720 ini, berapa-kah banyak-nya yang akan di-belanjakan untuk demam kura. Itu satu perkara yang mustahak kita ketahu.

Yang kedua-nya, ada-lah peruntukan pada tahun ini sangat kecil daripada peruntukan tahun yang lalu. Peruntukan tahun 1965 lebih daripada \$5 juta yang di-peruntukkan khas untuk demam kura sahaja. Tetapi 90% daripada perbelanjaan itu telah di-gunakan untuk menchegeh penyakit demam kura di-bandar², chuma 10% sahaja daripada wang yang di-utangkan itu yang telah di-belanjakan buat kawasan² luar bandar. Saya harap pada kali ini jangan-lah perkara ini berulang kejadian-nya lagi, kerana sa-bagaimana yang saya tahu bahawa-wasa penduduk² di-luar bandar, sa-bagaimana Menteri pun sendiri sedar, bandar sangat-lah menyedehkan hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyentoh di-sini tentang kedudukan ekonomi orang² kampung. Sa-bagaimana kenyataan yang kita telah

dapat baca di-dalam jawapan yang bertulis bagi soalan² ini, bahawasa tidak kurang daripada \$170 juta harga ikan yang telah di-tangkap dan di-jualkan pada tahun 1965. Ini berma'ana bahawasa bilangan nelayan kita ada-lah satu bilangan yang besar yang ada-lah pencharian kehidupan mereka itu terdiri daripada menangkap ikan. Tetapi apabila kita pandangkan dari segi kedudukan mereka itu—ada-kah kedudukan nelayan² kita yang bertabor-hambor di-dalam negara kita ini telah terbela atau Kerajaan telah membelakan nasib mereka itu atau tidak? Sa-bagaimana yang kita ketahu² bahawasa kedudukan mereka itu hingga sampai sekarang ini belum lagi dapat di-belakan oleh Kerajaan. Kerana kita tahu, perkara pemasaran ikan² yang mereka itu tangkap sa-hingga sampai hari ini belum lagi dapat Kerajaan menjalankan, dan mereka itu nelayan² yang berpuluh² ribu banyak-nya bilangan mereka maseh lagi menjadi mangsa kapada orang² tengah yang membeli dan membayar harga² ikan mereka itu mengikut kemahuan dan kehendak mereka itu sendiri.

Kita tahu bahawasa satu daripada tujuan-nya di-dirikan FAMA ia-lah untuk hendak mengadakan pemasaran bagi ikan. Tetapi hingga sampai sekarang ini belum lagi FAMA dapat membuat apa² kerja di-dalam segi pemasaran ikan yang saya sebutkan tadi. Ini ada-lah satu perkara yang menyedehkan. Tuan Yang di-Pertua, kerana tujuan economic development (pembangunan) ini, apabila Kerajaan mengadakan-nya bukan sahaja tujuan-nya untuk meninggikan taraf kehidupan satu pehak ra'ayat sahaja yang di-bandar² dan di-tinggalkan taraf kehidupan ra'ayat jelata yang di-kampong²—tidak. Bahkan tujuan Kerajaan, ranchangan pembangunan itu akan memulehkan sakalian kedudokan ekonomi bagi sakalian golongan ra'ayat, sama ada terdiri daripada penangkap ikan (nelayan), sama ada mereka itu daripada kaum tani dan lain² lagi, dan juga golongan² yang mengambil bahagian di-dalam perindustrian dan sa-bagai-nya. Ini tujuan Kerajaan. Tetapi kedudokan sekarang ini, tujuan dan matalamat

Kerajaan itu tidak terchapai. Kerana kita tahu, berpuluh² ribu daripada nelayan maseh lagi menjadi mangsa kapada kaum tengah. Mereka dahulu-nya ada mempunyai perahu sendiri, ada mempunyai pukat sendiri, tetapi kerana tipu daya dan helah yang telah di-jalankan ka-atas mereka itu oleh kaum² tengah, mereka itu sekarang telah menggadai perahu dan sakalian pukat² mereka itu dan mereka itu sendiri telah menjadi hamba kapada kaum tengah. Tetapi ada-kah pehak Kerajaan di-dalam ranchangan pembangunan ini yang telah Kerajaan mengadakan satu tindakan untuk hendak membela kaum² nelayan ini belum dapat lagi kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua, yang pelek-nya baharu² ini kita telah dengar bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menaikkan harga minyak disel—minyak kotor. Ketika Kerajaan menaikkan harga disel oil ini sa-banyak 12 sen satu gelen Kerajaan telah mengambil berat di-atas kedudukan orang² dan kompeni² yang menjalankan teksi dan bas². Demikian juga kedudukan orang² dan kompeni² yang menjalankan lombong² bijeh. Ka-atas mereka itu kemudahan² Kerajaan telah beri, dan sharikat² yang menjalankan lombong² ini tidak lagi membayar 12 sen harga yang di-naikkan ka-atas minyak disel ini, kerana pada pandangan pehak Kerajaan bahawasa dengan kenaikan 12 sen ini bagi harga minyak disel, satu pukulan yang hebat harus tertimpa ka-atas sharikat² lombong bijeh ini dan mereka itu telah dan harus mendapat kerugian yang besar di-dalam perusahaan mereka itu.

Tetapi sa-bagaimana yang kita tahu sharikat² bijeh ini ada-lah sharikat² orang kaya yang di-punya² oleh orang² yang ada bermillion² ringgit tetapi maseh juga Kerajaan rasa kasehan belas ka-atas mereka itu dan Kerajaan tidak naikkan harga disel oil ka-atas mereka itu. Tetapi kapada kaum nelayan yang ada-lah pencharian mereka itu kais pagi makan pagi, Kerajaan menaikkan harga sa-banyak 12 sen satu gelen dengan tidak memberi apa² pun kemudahan. Perkara ini saya telah bangkitkan di-dalam Rumah yang mulia ini tempoh hari

tetapi sekarang saya minta-lah kepada pehak Kerajaan supaya di-timbangkan sa-mula di-atas kedudokan kaum nelayan yang sangat² menyedehkan hati itu dengan tujuan supaya Kerajaan hapuskan 12 sen ini ka-atas orang kaum² nelayan sa-bagaimana yang Kerajaan telah memberi kemudahan kepada orang² yang lain² saperti sharikat² yang menjalankan lombong² bijeh.

Tuan Yang di-Pertua, kedudokan orang² kampong, kaum² tani khas-nya, sangat-lah juga menyedehkan hati. Kita telah mendengar dalam Rumah ini kelmarin banyak pehak² Kerajaan yang mengatakan dengan ada-nya ranchangan pembangunan ini maka orang² kampong dan petani² sekarang ini telah mencapai kekayaan dan kehidupan yang lumayan. Dahulu-nya sa-belum di-adakan ranchangan pembangunan ini, petani² tidak memileki basikal atau pun chuma memileki basikal sekarang ini mereka itu telah mempunyai motosikal Honda. Dahulu-nya rumah mereka itu tidak berchat sekarang rumah mereka itu sudah berchat kerana mereka itu telah mencapai kekayaan yang di-sebabkan oleh ranchangan pembangunan yang telah di-jalankan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini suka-lah saya hendak sebutkan bahawasa tidak boleh kita mengukurkan bahawasa ra'ayat saperti itu telah jadi kaya kerana dia mempunyai Honda atau pun sa-orang itu telah jadi kaya dan kedudokan-nya telah baik dari segi ekonomi kerana rumah-nya di-chat. Ini mengikut dari segi ekonomi adalah dorongan dan kechenderongan satu orang itu suka hendak memakai barang² walau pun dia tidak dapat memileki barang itu atau tidak mempunyai wang untuk membeli tetapi oleh sebab jiran²-nya pakai Honda belaka, jiran²-nya semua telah mengchatkan rumah² mereka itu maka dia pun berasa "aku pun mesti juga mengchatkan walau pun aku tidak mampu tidak ada mempunyai wang, aku berhutang—bergadai". Ini-lah yang dinamakan di-dalam ekonomi *Propensity to Consume*.

Apabila dia tengok orang² di-tepi rumah-nya semua-nya memakai Honda dia pun tidak kurang juga boleh memakai Honda tetapi bukan lah dengan kekayaan—tidak, tetapi dengan terpaksa dia menggadaikan harta benda-nya untok membeli Honda. Jadi tidak-lah boleh kita mengatakan, "oh sekarang ini mereka itu sudah kaya raya kerana mereka itu sudah dapat naik Honda, memileki motosikal, basikal dan lain² lagi". Bahkan sa-balek-nya kedudokan orang² petani kita sangat menyedehkan hati sa-bagaimana yang saya telah terangkan dahulu. Harga padi mereka itu maseh tetap \$16 dan harga copra mereka itu dan harga getah tidak dapat jaminan. Jadi mereka itu terpaksa menjualkan barang² mereka kepada kaum² tengah yang meletakkan harga mengikut kemahuan mereka itu.

Jadi kita tahu bahawasa Kerajaan kita sendiri pun berteriak, menangis tentang perkara "fluctuation" harga naik turun bagi barang² mentah tambah-lah kaum tani yang mereka itu bukan sahaja harga barang² mereka naik turun bahkan mereka itu menjadi mangsa kepada kaum tengah pula. Tambahan ka-atas kedudokan yang rumit dan yang merusut ini harga barang² lain pula telah naik, harga sabun naik, harga minyak naik dan segala barang² yang lain² lagi naik belaka tetapi harga barang penjualan mereka itu, harga copra mereka itu, harga getah dan sayur²an mereka itu tidak bertambah naik. Jadi kalau mereka itu dahulu-nya dengan satu ringgit dapat membeli lima barang, sekarang ini kerana kenaikan harga² barang ini dengan satu ringgit chuma dapat mereka itu membeli dua atau tiga barang sahaja. Ini menunjukkan bahawa kedudokan ekonomi mereka itu bertambah merusut bukan bertambah baik.

Saya harap kepada pehak Kerajaan mengambil berat ka-atas perkara ini kerana tujuan Kerajaan mengadakan Development Estimates ini ia-lah untok hendak memperbaiki taraf kehidupan (living standard) tetapi dengan kemiskinan dan kepapaan ini dan dengan harga² barang² mereka itu

tidak mendapat harga yang berpatutan, tentu-lah 'living standard' itu tidak dapat di-perbaiki dan penghidupan mereka itu dari segi ekonomi dan segala²-nya tidak dapat di-perbaiki. Saya harap kepada FAMA dan lain² juga lagi mesti-lah berjalan dengan chergas. FAMA ini yang kita telah luluskan Rang Undang²-nya dalam bulan September tahun 1965, dan 1966 sudah habis sekarang kita berada dalam tahun 1967, belum dapat lagi memasarkan ikan dan memasarkan copra dan lain² barang lagi. Chuma baru chadangan Kerajaan hendak mengadakan satu pemasaran padi sahaja di-Tanjong Karang. Ini tidak-lah menchukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentoh sedikit tentang perkara pelajaran. Perkara pelajaran nampak-nya Kerajaan telah mendirikan rumah², bangunan, sekolah² di-merata² cherok rantau di-dalam negeri kita alhamdulillah ini satu perkara yang baik dan saya berterima kaseh kepada pehak Kerajaan. Tetapi satu perkara yang sangat menyedehkan ia-itu perkara Text Book. Text Book ini yang pertama-nya kurang bagi di-sekolah² menengah dan sekarang budak² merata tempat di-tiap² buah negeri dalam Malaysia ini, sedang menchari hendak membeli Text Book lebeh² lagi Text Book yang bersangkut-paut dengan ilmu Science, Geography yang tidak ada. Sekolah baharu kita telah dirikan, guru telah kita adakan, tetapi dengan tidak ada-nya Text Book bagaimana-kah budak² dapat belajar? Saya rasa perkara ini sangat mustahak yang saya harap kepada Kerajaan supaya mengambil langkah untuk mengatasi kedudukan kekurangan Text Book ini.

Yang kedua-nya, ada-lah harga buku² ini sangat-lah mahal. Bagi penduduk² luar bandar, mereka itu mengalami kesulitan kewangan untuk hendak membelikan buku² ini kerana harga buku² ini ada-lah sangat tinggi di-sisi mereka itu. Boleh jadi kepada orang yang dudok di-bandar² dan orang yang mendapat gaji beratus² ringgit barangkali harga buku² ini tidak tinggi, tetapi bagi penduduk² kampung

sangat-lah menjadi keberatan ka-atas mereka itu. Sekian-lah.

Tuan Khoo Peng Loong (Sarawak):

Mr Speaker, Sir, in the First Malaysian Development Plan of 1966 to 1970, it is stated that Sarawak will be receiving more than \$460 million for its Government projects instead of \$300 million mentioned in the Inter-Governmental Committee Report. All this is well, Sir, and everybody in Sarawak is happy to hear of this. This happiness, however, is shortlived because now they have to pay a 5% development tax. So, the development funds for Sarawak are not by grants, as we were made to understand, but by tax. The people in Sarawak are saying that they are developing Sarawak themselves because by paying 5% development tax, in years to come they would be subscribing more than this \$460 million towards development. So, it looks, Sir, that the Central Government is merely advancing the money for these development projects and then collecting it back by tax, particularly by this 5% development tax.

In this year's Development Estimates, Sir, Federal development expenditure in Sarawak amounts to \$69.4 million and with the State and Public Authorities investment of \$5.6 million it will total \$75 million. I wish to urge the Central Government to release funds as soon as they are applied for by the State Government because, if I am not mistaken, Sir, many times projects already planned out had to wait for quite a long time before money was made available, and many a time, Sir, money was made available late in the year when it would be impossible to carry out the work in so short a time. Then by the end of the year the whole thing was left with the project unattended and undone.

Sir, I see in page 8 of the Development Estimates for this year, Head 65, Item (ii) that the Sibu Broadcasting Station will have to be completed after 1970 and not within the First Malaysian Development Plan. This will be a great set-back to Sibu, Sir, and I am

very disappointed to see that Sibu is not to have its own Broadcasting Station within the next three years. Sibu is expanding very fast, Sir, and a Broadcasting Station there will be of great advantage to the people in the Third Division of Sarawak. I would, therefore, urge the Honourable Minister concerned to review this project again and try to implement it as soon as possible for us. Thank you.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan, saya turut berchakap dengan sa-berapa rengkas yang boleh dan saya memulakan dengan menyatakan bahawa estimates atau pun anggaran bagi Ranchangan Pembangunan Malaysia pada tahun 1967 apabila dipandang dari segi bagaimana dibagikan wang itu menurut sector²-nya amat-lah chemerlang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang takut pembahagian ini jadi sa-bagaimana yang di-katakan suatu perojek atau pun satu ranchangan bunyi-nya (in Arabic) arti-nya rupa-nya chantek tetapi apabila di-kaji dalam pelaksanaan-nya kita dapati amat-lah tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tunjok satu, bagaimana yang saya dukachita dengan anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini. Bagi Malaysia kita membelanjakan kesemua jumlah-nya sa-kali ia-lah \$550 juta dan investment daripada state²-nya ia-lah \$176.3 juta. Tetapi di-Sarawak sa-bagaimana yang kita dengar daripada Ahli Yang Berhormat baru berchakap sekarang ini kita untokkan \$69.4 juta dan investment ia-lah sa-mata² \$5.6 juta. Pada hal, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di-dalam Defence atau pun di-dalam perbelanjaan bagi Sarawak sahaja kita membelanjakan \$6.8 juta. Jadi arti yang sa-benar-nya di-negeri Sarawak tidak pun memberi investment yang sa-benar dia memberi hanya \$5.6 juta menolong perojek pembangunan kita dan kita memberi untok defence sa-mata² ia-lah \$6.8 juta—arti-nya mereka itu tidak turut sama untok membena dalam ranchangan Pembangunan Negara kita. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama

ada kedudukan perjanjian pembentokkan Malaysia bagitu dudok-nya atau pun satu chara Kerajaan Perikatan ini hendak membuat di-Sarawak itu supaya dia boleh menang pilehan raya yang akan datang. Tetapi semua orang memikirkan sudah tentu tidak patut bahawa Kerajaan Sarawak hanya investment sa-banyak \$5.6 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita banding pula bagaimana pembahagian di-Sabah di-untokkan sa-banyak \$40.4 juta dan Sabah memberi \$21.9 juta dan defence kita memberi kepada mereka itu \$9.7 juta. Jadi patut-lah dalam hal ini di-kaji mengapa-kah perbezaan pembahagian menurut sector² itu di-buat bagitu. Saya tidak-lah hendak membangkang *top policy* Kerajaan tetapi ini amat menjolok mata dan

Mr Chairman: Masa sudah chukup.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.00 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Mr Deputy Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak mengingatkan ia-itu kira-nya tidak ada ramai ahli yang hendak berchakap. saya akan tutup perbahathan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1967 ini pada pukul 6.30 petang ini dan pagi esok Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan menggulung perbahathan ini.

Debate resumed.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan saya menyambong ucapan saya tengah hari tadi ia-itu, saya telah mengatakan bahawa gambaran anggaran kemajuan bagi negara kita pada tahun ini, memandang kepada pembahagian sector²-nya ia-itu sector ekonomi, social, pekerjaan, pertahanan, amat-lah chantek tetapi dalam pelaksanaan-nya saya dapati banyak perkara² yang patut diperbetulkan lagi bagaimana yang telah saya katakan, kita peruntokkan kepada

Sarawak sa-banyak \$69.4 juta dan investment daripada negeri itu untuk maksud ini hanya-lah \$5.6 million sedangkan kita memberi kepada mereka itu satu perprojek yang tidak productive ia-itu perprojek defence kita bagi \$6.8 million kepada mereka itu.

Pada hal di-Sabah kita menguntokkan \$40.4 million dan Sabah memberi investment \$21.9 million dan kita memberi perbelanjaan defence kepada mereka itu hanya-lah kira² \$9.8 million sa-mata². Ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah cukup kita memberi kepada negeri Sarawak itu supaya mereka itu betul² mahu memberi kerjasama. Kalau tuntutan lebih daripada ini saya rasa amat-lah susah kerana mereka itu memberi investment, sa-patut-nya mereka itu memberi sa-kurang²-nya \$34 million baru-lah sama dengan Sabah yang memberi \$21.9 million berbanding dengan \$40 million yang kita bagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang dengan ringkas-nya saya dengan izin tuan hendak berchakap berkenaan dengan Malaya kita sendiri. Negeri² dalam Malaya di-beri peruntukan sa-banyak \$550 million dan negeri² ini memberi investment-nya dan invest untuk menolong memajukan kemajuan kita ini ada-lah sa-banyak \$176.3 million. Di-antara kumpulan wang ini kita dapati di-untukkan kepada Pertahanan di-bawah Head 117. Jumlah-nya ia lah \$110.3 million lebih kurang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita memberi peruntukan kepada pelajaran (Education) ia-lah sa-mata² \$85 million. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya selalu bergaduh dengan Kerajaan ia-itu saya tidak mahu melihat negara kita ini di-dalam ranchangan kemajuan-nya membanyakkan projek defence daripada pelajaran. Dalam peruntukan belanjawan kita baharu² ini saya sudah memuji Kerajaan dan berpuas hati bahawa perimbangan perbelanjaan untuk pelajaran di-bandingkan dengan peruntukan Pertahanan amat-lah munasabah. Rupa²-nya di-sini tempat di-churi-nya, dan orang yang bersalah dari segi pelajaran ini, oleh kerana Yang Berhormat itu menjadi Menteri,

terpaksa-lah saya menyalahkan beliau—diri-nya tentu-lah tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua, di-antara \$84.7 million ini atau \$85 million ini kita dapati untuk pelajaran-nya sa-paroh daripada itu ia-lah wang² yang di-jangka yang boleh di-perolehi daripada sumber² yang tidak tetap ia-itu yang bertanda sa-bagaimana Chokmar, kata-nya, benda² ini hendak di-belanja, kalau ada hutang, kalau ada sumber daripada negeri dan pelaksanaan projek² itu bergantung hubungan projek ini dengan sumber² yang kita hendak dapat itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini berarti dari segi education atau pelajaran dan pendidekan, kita tidak begitu berani untuk berbelanja.

Saya hendak kemukakan, Tuan Yang di-Pertua, supaya lebih terang lagi ia-itu yang tidak tetap, yang kita mengharap grant daripada luar negeri atau pun loan daripada luar negeri atau pun di-dalam negeri. Pelajaran untuk menengah (secondary) \$37 million. Yang kita harap daripada sumber luar negeri, Vocational \$2,500,000, Technical Education \$250,000, Special Schools \$100,000—saya pun tidak tahu apa dia Special Schools ini, barangkali kelas dewasa agak nya. Kemudian Pelajaran Pertanian \$3,300,000—itu pun berharap kepada loan juga dan Teachers Training (melateh guru²) yang hari² kita menjerit tidak cukup guru itu \$5,500,000—itu pun hendak di-pinjam, mengharapkan kepada loan dan grant daripada luar negeri.

Saya tidak tahu mengapa-lah Menteri kita ini boleh diam pada hal kita, bukan sahaja pehak Kerajaan tetapi Pehak Pembangkang, terutama sa-kali daripada P.M.I.P., memandang tinggi kepada Menteri kita ini supaya dia melawan mendapat peruntukan yang lebih banyak untuk Education oleh kerana Menteri kita barangkali banyak kerja sa-hingga dia lupa dalam perkara ini. Ini ada-lah satu malu yang besar. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana separoh—\$47.9 juta daripada \$84.7 juta peruntukan bagi Education ini ia-lah di-harapkan daripada *foreign resources*—hutang atau pun grant. Jadi

saya tidak tahu bagaimana Menteri kita ini boleh kalah di-dalam Cabinet itu dan saya takut pula oleh kerana permintaan ini begitu menesabah ada Menteri² kita yang akan meletakkan jawatan dan pergi ka-England ambil rehat itu atau pun ka-mana, kita akan lihat-lah dalam sa-bulan lagi, banyak Menteri akan meletakkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu berkenaan dengan College Islam, nampak-nya kita sa-mata² bergantung kepada pemberian atau pun peruntukan yang di-untukkan di-dalam Anggaran Belanjawan yang sa-benar, tidak ada di-dalam Anggaran Pembangunan langsung, satu sen pun tidak ada di-dalam ini. Jadi ini amat lah mendukachitakan dan berlawanan pula dengan apa yang di-katakan oleh Menteri kita ia-itu College Islam ini akan menuju kepada satu Pusat Pengajian Tinggi, sedangkan development langsung satu sen tidak di-beri.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ia-itu Head 126 muka 27 daripada Command Paper No. 50, ini, saya dapati kalau tidak salah saya untuk Ranchangan Luar Bandar ini \$80.2 juta, tentu-lah ra'ayat kita akan memberi terima kaseh oleh kerana peruntukan ini besar.

Tetapi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, barangkali orang² yang datang melihat ini akan terkejut sa-telah saya sendiri terkejut, Dewan ini pun akan terkejut ia-itu direct expenditure, wang yang kita hendak beri sa-chara langsung menjadi bebanan kita \$37.2 juta—hendak hutang \$43 juta. Hutang ini, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah menjadi kebiasaan apabila kita hendak buat development, tetapi kita mahu ini ranchangan kemajuan luar bandar ini-lah ranchangan yang hendak menolong orang² kampung, tiba² kita mengharap-kan wang daripada hutang dan wang ini sudah tentu-lah dia akan di-kenakan faedah begitu bagini dan ini akan di-kenakan pula ra'ayat separoh lebih daripada peruntukan ranchangan luar bandar—hendak berhutang dan hendak suroh ra'ayat membayar segala

faedah itu. Ini kalau ra'ayat tahu, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi satu perkara yang besar apabila ada pilihan raya dan saya sudah tentu akan kempen perkara ini pada tahun 1969.

Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, daripada \$43 juta hendak di-hutang ini, sama ada daripada luar negeri atau pun dalam negeri, marah orang² kampung, orang² di-luar bandar, ia-itu ini ada-lah untuk F.L.D.A.-nya \$43 juta ini, Ranchangan Tanah Persekutuan yang hendak di-buka itu hendak hutang wang itu. Yang pelek-nya direct expenditure \$10 juta; \$42 juta itu hendak berhutang. Jadi ini-lah yang menjadi bebanan kepada ra'ayat ia-itu wang yang kita hendak membelanjakan kita mengharapkan sama ada hutang daripada tempatan atau pun local loan kita tidak terlepas daripada faedah². Jadi erti-nya Kerajaan ini menjadi orang tengah di-antara majikan² yang hendak memberi hutang dengan ra'ayat kampung yang hendak menyuburkan tanah mereka itu. Maka di-sini-lah exploitation atau pun chara² menekan ra'ayat berlaku dan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa mengishtiarkan perang (debates) terhadap Kerajaan kita dalam menganiayai ra'ayat di-kampung yang sa macham ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kebajikan (Welfare) kita memberi pada ra'ayat sa-banyak \$1,500,000 dan alhamdulillah Yang Berhormat Menteri kita pun satu Menteri yang berchakap sedikit tetapi banyak kerja. Saya puji Menteri kita ini kerana dia kurang berchakap tetapi dia bekerja. Bekerja itu saya tahu-lah tentu padan dengan kerja yang dia tidak berchakap itu sebab tidak ada benda yang hendak buat banyak maka dia pun tidak berchakap.

Ada pun berkenaan dengan Kementerian Kesihatan Head 123, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sempat hendak membuat breakdown yang sa-benar-nya tetapi sa-chara kasar sa-benar-nya saya dapati kita membuat peruntukan bagi tahun ini ia-lah kira² \$48.7 juta begitu-lah, \$48.7 juta bagi Head 123, pada tahun sudah kita ada \$40 juta. Saya periksa di-dalam Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan di-dalam Kementerian Kesihatan hendak menchari di-mana pertolongan yang sa-benar yang kita memberikan kepada orang² kampung dari segi kesihatan. Kementerian Kesihatan \$48.7 juta pada tahun ini dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar \$80.2 juta. Dewan ini akan terkejut ia-itu bukan punya banyak bermillion² kita untokkan—saya tidak berchakap ada-lah bilangan doktor² ini sesuai dengan ramai-nya penduduk sebab negeri kita tidak-lah dapat semua-nya yang di-kehendaki oleh ra'ayat.

Tetapi yang pelek-nya, Tuan Yang di-Pertua, satu kelinik dalam tahun 1966 ia-itu peruntokan untok kesihatan dalam tahun 1966 \$40.5 juta dan di-dalam Kemajuan Luar Bandar, saya lupa berapa-kah tidak tahu, tidak ada figures pada saya di-sini, tetapi yang pelek-nya Yang Berhormat Menteri Muda kita pun ada, ia-itu satu kelinik bagi Malaya. Apa buat kerja ini, Tuan Yang di-Pertua? Wang itu untok kelas Dewasa-kah, satu kelinik?—malu sa-buah negara dalam satu tahun punya buat kemajuan untok orang² kampung satu kelinik sahaja. Saya menerima chabaran kalau sa-kira-nya Menteri itu suroh saya tunjukkan kenyataan pada saya hari ini—very silly—kerja bodoh di-dalam negeri yang sa-macham ini. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemajuan kita, betul juga saya bersetuju sangat dengan statement Kerajaan dalam Command Paper 50 ini ia-itu kalau kita membuat banyak sangat development kita takut pula active currency—wang yang chergas yang berjalan ini—turun harga-nya. Tetapi yang kita hairan ia-lah ada-kah oleh kerana kita takutkan active currency atau pun wang kita itu turun harga, kita tidak berani buat lebeh banyak daripada itu. Nampak-nya walau pun dia sa-bagai tunjok bagitu sa-bagai indication, tetapi dia faham bahawa Kerajaan kita menchari satu excuse bahawa takut mata wang itu jatuh merebak banyak sangat maka sa-takat ini sahaja kita boleh buat, kalau lebeh daripada itu—inflationery condition akan berlaku di-dalam negeri

kita. Ini bukan satu excuse, bukan satu sebab yang boleh di-terima dengan mudah.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, jatohnya mata wang ini boleh di-tutup dengan ranchangan² yang kechil²—kalau tidak salah saya di-dalam ekonomi di-namakan ranchangan² yang bersifat treasury. Saya bukan ahli ekonomi, tetapi saya bacha bahawa jatohnya wang itu boleh di-atasi dengan itu ia-itu seperti kedai² gunting rambut, kedai² membuat baju, kedai² membaiki motokar—yang ini sejak kita merdeka sa-kali pun Kerajaan kita tidak pernah memberi peruntokan, dia sa-mata² menyerah kepada private sector bulat² bagitu sahaja, sedangkan ini-lah yang akan boleh menahan daripada turun-nya mata wang itu, tetapi itu tidak di-buat dan kerana sa-bagai satu excuse dia tulis di-sini.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan

Mr Deputy Speaker: Panjang lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Sadikit sahaja, tidak sampai 5 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila kita membuat peruntokan kita yang banyak bagini tentu-lah kita ada Reserve Fund atau pun Contingencies Reserve. Pada tahun ini kita akan estimatekan ia-itu kita akan ada sekurang²-nya \$710.8 juta. Jadi wang Contingencies bagi saya, saya tidak tahu kalau ada sebab² yang lain, sebab saya bukan ahli dalam kewangan.

Kalau sa-paroh sa-kurang²-nya kita invest di-dalam Bank Bumiputera, maka tidak-lah payah lagi kita memberi pinjaman kepada mereka itu dan Bank itu dapat-lah berjalan dengan elok dengan mempunyai modal sa-kurang²-nya kita bagi-lah \$100 million daripada \$710 million ini. Saya tahu tentu-lah Kerajaan tidak sangat berani hendak invest di-situ dan takut apabila kita berhajat dengan segera duit itu di-dalam peredaran—di-dalam circulation kita tidak dapat balek tetapi tidak-lah menghalang kita daripada kita memberi sa-paroh mithal-nya atau pun satu pertiga daripada wang itu kepada Bank Bumiputera.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan defence—pertahanan. Kita untokkan kapada pertahanan sa-banyak \$110.3 million. Boleh jadi Kerajaan berkata Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu tidak tahu daripada mana duit ini dapat. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, baharu saya dapati ia-itu sa-paroh daripada duit ini dapat perchuma daripada Commonwealth \$34 million, daripada United Kingdom \$20 million, daripada Australia \$1 million. Saya ingat kita beli barang² ini, rupa²-nya dapat grant—dapat pertolongan. Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini defence-nya di-tolong oleh orang lain bukan-lah kita sendiri yang menjaga negeri kita ini. Saya puji Kerajaan kita tentang chara hendak mendapat duit tidak payah belanja tetapi kita mesti ingat bahawa orang lain—negara lain—dia tidak memberi wang perchuma untok kita mempertahankan negeri kita kalau tidak ada sa-suatu. lain kalau duit kita itu di-beri sama ada berupa grant atau pun loan kerana projek yang productive sebab dia boleh harapkan saham—share kerja kemajuan itu dapat untong tetapi memberi untok

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Untok penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat daripada Bachok berchadang supaya Kerajaan Perikatan menjual sa-paroh daripada negara ini untok menchari wang untok pembangunan?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat bagitu, tetapi saya hendak sudahkan ucapan saya ini dengan ringkas. Saya sedar bahawa di-Philippina sendiri pun terpaksa kena memakai barang² kelebihannya daripada perang dan mereka itu tidak sanggup hendak mengadakan walau pun satu kapal perang oleh kerana mahal sangat dan kita pun bagitu juga tetapi yang saya maksudkan di-sini pertahanan kita di-dalam pembangunan bukan pertahanan yang sa-benar-nya. Ini kita dudok membahathkan dari segi development. Kalau pertahanan yang menjadi asasi, itu lain masalaah tetapi

development, mengapa-kah di-dalam development ini pun yang kita berharap kapada orang lain dan itu tidak dinamakan development sebab kita berharap kapada orang lain, lain daripada expenditure sebab benda itu asasi barangkali kita—survival—tidak boleh hidup maka kita minta duit daripada luar. Dan saya rasa pendapat saya dengan pendapat sahabat saya itu bertelingkah, saya ustaz dan beliau itu sa-bagai doktor sama² bukan ahli dalam perkara ini.

Yang satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu berkenaan dengan kelas dewasa. Kelas dewasa ini pada tahun ini kita belanja \$150,000. Saya tengok hetong panjang-nya yang dahshat sa-kali di-negeri Kelantan guru²-nya itu berbanding dengan negeri lain amat-lah banyak di-negeri Kelantan. Di-Pahang murid-nya lebeh banyak daripada di-Kelantan tetapi guru²-nya sa-paroh daripada guru² di-Kelantan. Yang di-Kelantan guru²-nya sadikit daripada Perak—guru-nya sa-kali ganda yang di-Perak. Jadi, betul itu education ini sa-bagai satu projek yang productive sa-chara tidak langsung tetapi kelas dewasa ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut di-mansokhkan dan saya rasa tahun depan boleh jadi Menteri Kewangan kita tidak mahu lagi bagi dalam perkara ini. Kalau-lah di-gunakan, kalau hendak digunakan untok maksud politik, beri tahu betul² untok maksud politik, kita pun suka negeri kita ini bila dia hendak memerintah dia dapat chari satu jalan supaya menang.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan kapada Tuan Yang di-Pertua, bahawa development atau pun peruntokan bagi development kita pada masa ini adalah satu peruntokan yang tidak sehat dan tidak sesuai pada keseluruhannya walau pun pada detail-nya saya tentu-lah menerima sebab kita terpaksa menerima sa-barang sa-suatu untok kebaikan negeri kita sendiri, sekian terima kaseh.

Tuan Chia Chin Shin (Sarawak): Mr Speaker, Sir, we are asked to consider the Development Estimates for

1967 and to give our deliberations on the expenditure for the sum of \$836,095,454 for the development of this country. This is the second year of the Five-Year Development Plan. I remember that the Development Plan was fully debated last year in this House. This has come to the second year and it is time for us to review it in the light of our experience.

Mr Speaker, Sir, I would like to touch on the loan to the Housing Authority in Sarawak. A provision of \$600,000 has been allocated to Sarawak. In the original estimates a total of \$3 million was set aside for this purpose. I was given to understand that the State Government has planned for a number of low-cost housing schemes to be started. I feel that this loan of \$600,000 is inadequate to meet the demand. I would strongly appeal to the Honourable Deputy Prime Minister to consider this point, so that more money could be allocated for these schemes.

As for rural electrification, the people in the kampongs as well as in the longhouse would certainly be glad to have the supply of electricity for their houses. I remember that recently there was an announcement about rural electrification schemes in the Press. If these schemes were to be introduced in Sarawak the people would certainly support them to the best of their ability. There is no doubt they would have to contribute their share for the amenities they enjoy.

There was also an announcement in the Press recently that cases of malaria were discovered in the First and Second Divisions in areas near the border. I would urge the Government to look closely into this matter, so that there would not be any spread of this disease into other areas.

Sir, there is a token vote of \$10 for Miri Hospital extension. I have previously spoken in this House on this subject. From my personal knowledge, in some of the wards the beds are too crammed together and because of this the patients admitted into the wards feel very uncomfortable. I hope, there-

fore, that the Ministry concerned will look into this matter.

I remember I have spoken on the subject of agricultural schools last year. I am glad to observe from the Estimates that there is an allocation of \$280,000 earmarked for Agricultural Education. I am sure this will receive full support from the school-leaving children and, on the other hand, the parents feel very much enlightened because they know that after receiving this education when the children come out they will be able to take part in farming in their own homes. However, I am somewhat disappointed to see that under the Agricultural College—there was an original sum of \$500,000 estimated for this scheme—there is no vote set aside for this year's development. I would appeal to the Government to consider an allocation for this project. This will meet the demand of those who have received secondary education.

Sir, I would like to touch on the Trunk Road and Feeder Roads. I understand that the Lutong to Kuala Baram Road is included in the Development Plan. This is an important road for communication to the State of Brunei. Recently, due to heavy rains some sections of these roads were badly damaged. Every day there are at least more than ten truckful of vegetables and poultry for export to Brunei. It is estimated that more than \$100,000 worth of fresh goods and poultry are being exported to Brunei every month, which provide a livelihood for our farmers. This is just to indicate the importance of this road to us. I would, therefore, urge the Government to give priority for the construction of this road.

As regards the Miri Water Supply Scheme, I would like to bring to the attention of this House that over these few years there are lot of new houses being built in Miri Town and consequently there will be a big demand for water in time to come. I feel that the sum of \$72,000 for the completion of the scheme will not be adequate. As I am given to understand that the Government purchases water from the

Shell Company in bulk for sale to the people in Miri, I should think it is about time that the Government consider having its own water supply in the near future.

I would like to touch on the telephone service, particularly the internal trunk call service in Sarawak. I have spoken a number of time, on this subject in this House. I would urge the Ministry concerned to look into the possibility of improvement to the trunk call service in Sarawak.

When we talk of diversification of our national economic development, no doubt we fully support development fund being spent on rubber planting and re-planting from which our national resources are derived. But on looking through the decline of rubber prices over these years, we should give it a second thought to divert our attention to oil palm and coconut plantations for small holders, so as we will not put all our eggs in one basket.

Lastly, I would like to touch on education in Sarawak. As I am given to understand, there is a comprehensive system of education in West Malaysia, under which the primary school children will leave school at the age of 15; and there is a post-primary school to enable children to undergo schooling for another three years after primary school. It is my fervent hope that Sarawak will enjoy the same privilege and facility as their brothers and sisters in West Malaysia.

Sir, I beg to support the motion.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan, saya bersama² bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Pembangunan Negara yang di-bentangkan di-hadapan kita pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya memanjangkan ucapan saya di-dalam Dewan Yang Berhormat ini, saya mohon izin bagi menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan yang telah menguntokkan Anggaran Perbelanjaan yang banyak bagi pem-

angunan negara kita. Ini ada-lah menunjukkan hasrat Kerajaan yang sangat tinggi bagi meneruskan segala rancangan² pembangunan yang telah di-atorkan yang mana mempunyai tujuan yang besar untuk memberi kemudahan bagi meninggikan taraf hidup ra'ayat di-dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita ma'alum sa-panjang pembangunan negara kita telah di-lancharkan di-dalam negara ini, Kementerian ini telah mendapat sanjongan yang tinggi daripada seluroh lapisan ra'ayat daripada dalam negeri ini dan juga telah mendapat pujian² yang tinggi daripada wakil² negara asing yang telah melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah di-sebabkan kebijaksanaan bagi pehak Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum walau pun beberapa banyak rancangan, beberapa banyak perojek² yang akan di-lancharkan di-dalam negara kita ini, apa yang sangat penting dan sangat mustahak di-perlukan bagi faedah pembangunan negara ini dapat mencapai matlamat yang di-tujukan ia-lah mustahak mendapat penghargaan atau pun sambutan yang memberi faedah oleh ra'ayat negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita tidak boleh menafikan sa-bahagian daripada ra'ayat negara ini telah pun memberikan sambutan dengan sa-baik² sambutan bagi menggunakan segala kemudahan ini dengan tujuan yang memberi faedah kepada ra'ayat, tetapi ada lagi sa-bahagian daripada ra'ayat negeri ini yang maseh lagi belum sedar, yang maseh lagi menyalah-gunakan segala kemudahan yang di-berikan oleh Kerajaan untuk faedah mereka itu sendiri. Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya nampak pehak Kerajaan patut sangat mengadakan penerangan bagi meniupkan semangat kesedaran ra'ayat di-dalam negara ini, kepada mereka² yang maseh belum lagi sedar, bagi menggunakan perkara yang memberi faedah kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di-dalam melancarkan gerakan meniupkan semangat kesedaran, Kementerian yang paling sesuai sa-kali ialah Kementerian Penerangan dan Penyiaran, dan saya mempunyai keyakinan penoh bahawa Kementerian Penerangan ini satu Kementerian yang paling chergas, satu Kementerian yang selalu sangat meniupkan semangat kepada ra'ayat negeri ini, sa-bagaimana kita ma'alum di-dalam semangat perpaduan, semangat menghulorkan derma untuk membantu mangsa² banjir. Dan saya rasa, di-dalam meniupkan semangat kesedaran bagi menyambut pembangunan negara ini, sangat-lah sesuai kalau pehak Kementerian Penerangan ini, yang telah mempunyai segala alat kemudahan, menggunakan sa-penoh²-nya kepada memberi kesedaran ra'ayat atas pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya memberi kepujian kepada Kementerian Penerangan yang telah dapat menggunakan radio sa-bagai alat untuk meniupkan semangat kepada ra'ayat negeri ini kepada kesedaran. Tetapi, saya merasa belum begitu puas hati kepada perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Kementerian ini di-dalam Talivishen. Di-dalam meshuarat Anggaran Belanjawan tahun yang lalu, saya pernah menyuarakan di-dalam Dewan ini, supaya talivishen yang ada dalam negara kita ini mengambil peranan yang penting bagi menyedarkan kepada ra'ayat supaya mereka ini insaf dan sedar bahawa Kerajaan telah memberikan kemudahan itu, dapat di-gunakan dengan sa-baik² penggunaan.

Tetapi, apa yang telah kita ketahui, hingga-lah pada masa ini talivishen ini maseh lagi menggunakan dan meng'amalkan chertia² lama—kita dapat ketahui di-dalam cherita² Melayu mithal-nya, macham cherita Tunang Pa'Dukun yang tidak lagi di-sukai oleh orang Melayu sendiri di-tayangkan. Apa-lah salah-nya kalau kita dapat membuatkan satu filem atau mengarang satu cherita yang berunsor-kan kepada pembangunan yang memberikan faedah dan dapat menarek perasaan ra'ayat kepada semangat

kesedaran yang memberi faedah kepada ra'ayat kita sendiri. Dan ini satu daripada chontoh, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pegawai² penerangan yang ada di-dalam daerah² di-seluruh negara kita pada masa ini, kebanyakan membawa wayang gambar untuk di-tayangkan kepada orang ramai, tetapi tidak ada apa² juga ucapan yang dapat di-sampaikan kepada orang ramai pada masa itu. Sa-baik²-nya, barangkali boleh jadi pegawai² penerangan di-daerah² ini tidak begitu banyak yang boleh berucap atau pun bersharah, ada lebeh baik kalau kita boleh rakamkan ucapan daripada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, sa-bagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, untuk kita sampaikan kepada ra'ayat pada tiap² penerangan, di-sampaikan di-tiap² daerah dan di-seluruh pelusok kampong² dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu di-sini saya suka membawa kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian ini, saya rasa, sangat mustahak untuk dapat memberi sambutan bagi mengarahkan belia² ini bagi menyambut pembangunan negara kita pada masa ini. Sa-panjang yang saya ketahui Kementerian ini juga, kita tidak boleh menafikan kegiatan dan kechergasan-nya di-dalam lapangan sport dan di-lapangan kebudayaan, tetapi dalam lapangan belia, hanya sangat sedikit bilangan-nya belia² yang telah dapat memasoki persatuan² belia yang di-arahkan oleh Kementerian ini. Ini saya rasa, boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-sebabkan banyak sangat persatuan² belia yang ada dalam negara kita ini—ada persatuan Pemuda Desa, ada Persatuan Belia dan ada Persatuan 4B, dan macham² lagi. Dengan ada-nya banyak persatuan² belia yang sa-rupa ini, saya dapati banyak perselisihan faham di-antara mereka sendiri, hingga kita terdengar di-dalam surat² khabar, masing² memuji kesatuan-nya.

Apa yang saya maksudkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sa-baik²-nya, Kementerian ini dapat menganjorkan satu persatuan belia sendiri dan belia² ini dapat di-arah dan di-nasehatkan; dan di-atorkan sa-lain daripada chara mereka² ini bermasyarakat, ada lebeh baik kalau belia² ini dapat di-berikan satu kawasan tanah untuk mereka ini berchuchok-tanam, untuk mereka ini membuat pertukangan, untuk mereka² ini mengadakan perusahaan perternakan. Kerana belia² ini ada-lah merupakan tokoh² yang bakal menggantikan kita semua di-dalam negara ini, maka mustahak-lah mereka² ini di-beri tempat yang sesuai supaya mereka² ini dapat memberi sokongan tenaga dan fikiran bagi kemajuan pembangunan negara kita.

Pada masa ini kita maseh banyak lagi dapat menyaksikan pemuda² kita yang belum dapat kita masukkan di-dalam satu masyarakat yang terator dan banyak lagi pemuda² kita yang dudok membujang sampai tua sebab bukan-lah mereka² ini tidak mahu kahwin, tetapi di-sebabkan mereka ini berasa bimbang, berasa shak di-atas penghidupan-nya di-masa yang akan datang. Kalau kita hendak memasokkan mereka² ini dalam ranchangan F.L.D.A., maka F.L.D.A. telah mengadakan keutamaan² yang tertentu daripada perengkat umur, daripada perengkat tanggungan dan lain² lagi. Maka dengan ini sudah tentu-lah belia² ini tidak akan dapat peluang bagi mendapat ranchangan² tanah yang saperti itu dan ini-lah yang saya shorkan, supaya dapat pertimbangan daripada Kementerian ini, terutama Kementerian Belia dapat merundingkan perkara ini dengan Kerajaan² Negeri yang ada di-Malaysia Barat atau pun di-seluruh Malaysia.

Saya tertarek hati dengan satu ranchangan yang telah di-buat oleh Kerajaan Negeri Pahang yang telah mengadakan satu peruntokan tanah untuk belia² di-sana. Ini ada-lah satu perkhabaran yang sangat² menggalakkan dan patut sangat akan menjadi chontoh dan tauladan kepada Menteri² Besar di-lain² negeri dan juga Ketua² Menteri yang ada di-seluruh Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka menyentuh Kementerian Pelajaran. Saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian Pelajaran ini yang telah berjalan bagitu chergas dan chekap bagi mengadakan beberapa banyak bangunan² sekolah di-dalam Malaysia terutama-nya di-dalam Malaysia Barat ini, dan sekolah² menengah di-dalam bahasa kebangsaan di-seluruh kampung² di-dalam negara kita ini. Apa yang saya harapkan dasar Kementerian ini mendirikan sekolah² di-kampung², saya nampak hanya bangunan² sekolah sahaja yang di-adakan, sedangkan rumah² guru tidak di-adakan. Jadi ini satu perkara yang sangat menyulitkan kepada guru² yang akan mengajar ka-kampung² dan kadang², ini menjadi satu alasan yang besar kalau guru² itu datang daripada pekan² dan bandar², menchari helah yang mereka ini tidak mahu di-tukarkan ka-kampung di-sebabkan tidak ada rumah. Di-kawasan luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah susah untuk mendapatkan rumah² sewa, tidak macham di-dalam kawasan² bandar. Jadi ini saya harap akan dapat perhatian daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu kita sedia faham oleh kerana banyak-nya bangunan² sekolah menengah di-seluruh pelusok negara kita ini, maka kita akan mengeluarkan beribu² murid yang lulus di-dalam sekolah² menengah kebangsaan dalam negara kita ini. Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah pun mengaku² bahawa kelulusan sekolah menengah kebangsaan ada-lah sa-tanding dengan kelulusan sekolah² menengah yang menggunakan bahasa penghantar-nya bahasa Inggeris. Apa yang saya harapkan bagi menggalakkan ra'ayat² negara ini memasoki sekolah² menengah kebangsaan dan dapat mengamalkan bahasa kebangsaan.

Saya harap Kerajaan akan dapat memberi keutamaan kepada kelulusan sekolah² menengah kebangsaan ini bagi mendapatkan apa² juga pekerjaan. Saya perchaya jika sa-kira-nya Kerajaan berunding dengan Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam supaya kelulusan bagi sekolah² menengah kebangsaan

ini dapat keutamaan daripada segi pekerjaan dan begitu juga sa-terus-nya kepada badan² perusahaan yang ada dalam negara kita ini supaya dapat berunding supaya di-utamakan kelulusan daripada sekolah² menengah kebangsaan ini, tidak kita pertandingkan dengan kelulusan daripada sekolah menengah yang menggunakan bahasa penghantar-nya bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya akan pergi kepada Kementerian Tanah dan Galian. Kementerian ini memang-lah tidak boleh di-cherai-kan dengan pembangunan negara dan Kementerian ini telah mengambil peranan yang penting dalam segi pembangunan.

Di-sini saya suka membawa perhatian berhubung perusahaan galian di-dalam negara kita. Kita sedia ma'alum bahawa perusahaan galian di-dalam negara kita ini ada-lah merupakan satu perusahaan yang besar yang memberi faedah kepada hasil negara kita. Begitu juga kedudukan badan² perusahaan, galian ini ada-lah mempunyai kedudukan yang lebih tinggi lagi dan boleh kita katakan-lah mereka ini mempunyai pendapat yang lima enam kali ganda daripada gaji Menteri² kita yang sedang memerintah pada hari ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perusahaan yang sa-rupa itu patut sangat-lah kira-nya Kerajaan dapat menyerahkan kepada satu badan yang betul² mendukung amanah ra'ayat dalam negara ini, badan yang mendukung amanah ra'ayat itu, saya nampak tidak lain dan tak bukan ialah Majlis Amanah Ra'ayat. Kalau boleh, segala perusahaan² galian yang akan datang dalam negara kita ini dipelopori oleh MARA (Majlis Amanah Ra'ayat) dengan berkongsi dengan sharikat² kerjasama di-dalam negara ini. Sa-telah di-jalankan dan mendapat kejayaan di-dalam perusahaan ini boleh-lah kita jual-kan saham²-nya kepada semua ra'ayat terutama-nya ra'ayat yang miskin dan yang susah di-dalam kawasan² luar bandar supaya mereka² ini dapat menikmati bersama hasil negara kita yang sangat² ber-harga itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya membawa satu pandangan kepada Kementerian ini juga ia-itu berhubung dengan kaki-tangan Kerajaan di-dalam Pejabat² Tanah di-seluruh negara kita. Ini juga memegang peranan yang penting di-dalam pembangunan negara kita ini. Kerana dengan ada-nya kekurangan kaki-tangan pejabat tanah di-tiap² daerah dalam negara kita ini menyebabkan terlambat-nya kerja² bagi mengeluarkan tanah kepada ra'ayat dan apabila tanah² ini lambat di-keluarkan maka ra'ayat terus-menerus mendesak, kadang² memasoki tanah² Kerajaan dengan chara haram. Apabila mereka ini memasoki tanah² Kerajaan dengan chara haram maka sampai-lah masanya Kerajaan akan mengeluarkan tanah² itu kepada orang² yang berhak dan Kerajaan terpaksa mengambil tindakan undang² kepada mereka ini untuk di-keluarkan daripada tanah Kerajaan itu. Ini ada-lah mendatangkan satu akibat yang tidak begitu baik dan menyedehkan kepada orang² itu. Jadi oleh kerana itu apa chara yang boleh kita jalankan, saya harap pehak Kerajaan di-dalam ranchangan pembangunan ini akan dapat membanyakkan lagi kaki-tangan Pejabat Tanah di-dalam tiap² daerah dan begitu juga kakitangan Pejabat Sukat yang sangat mustahak di-dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu di-sini saya suka berchakap di-dalam perkara berkenaan dengan pembekalan letrik. Sa-bagaimana rakan² saya yang lain, saya setuju di-dalam masaalah pembekalan letrek di-dalam pembangunan negara kita ini ada-lah sangat² tidak memuaskan. Saya sangat berharap-lah perkara ini akan dapat pertimbangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sendiri kerana dasar pemberian letrik kalau-lah kita mengikut dasar daripada Lembaga Letrik Negara yang sa-mata² menumpukan kepada tempat² yang di-fikirkan memberi faedah dan keuntungan yang besar kepada Lembaga ini maka sudah tentu-lah penduduk² dalam kawasan luar bandar tidak akan merasa pembekalan letrik ini. Dan ini pernah menjadi perbinchangan di-dalam Dewan

Negeri Selangor sendiri berhubung dengan masaalah ini dan berturut² soal dan jawab di-dalam surat² khabar. Jadi oleh kerana itu saya harap perkara ini supaya dapat di-samakan dengan badan² yang lain yang telah memberi kerjasama dengan baik-nya di-dalam pembangunan negara ini dan dapat-lah di-longgarkan dasar yang hendak mencari keuntungan di-dalam masaalah pembekalan letrik ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu di-sini saya menarek perhatian kepada Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini ada-lah merupakan satu Kementerian yang mengambil peranan penting daripada segi pembangunan negara kita yang telah berjalan sa-lama ini hanya ada sedikit² yang suka saya menyentuh ia-itu berhubung dengan dasar bangunan² yang di-buat oleh Jabatan Kerja Raya.

Di-sini saya suka menarek perhatian dua buah masjid yang telah mendapat peruntukan kewangan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-Sabak Bernam di-sana ia-itu satu tempat di-kampung Telok Ru sabanyak \$25,000 dan satu tempat lagi di-kampung Parit Empat, Sungai Haji Derani, Sabak Bernam, yang telah mendapat peruntukan \$25,000 juga. Pada mula-nya orang kampung di-kariah itu di-minta mengadakan plan bangunan itu. Maka apabila orang kampung itu telah mengadakan bangunan dengan wang-nya sendiri dan di-hantarkan-lah plan itu kepada Jabatan Kerja Raya Daerah sana, malang-nya pegawai Kerja Raya yang ada di-daerah di-sana telah mengatakan dia telah mendapat satu arahan baharu. Plan² yang di-buat oleh orang kampung tidak dapat di-terima, kita sedang menunggu plan² yang telah di-buat oleh Jabatan Kerja Raya sendiri dan apabila kita menunggu plan, Jabatan Kerja Raya hingga-lah cukup tahun dan masuk-lah tahun 1967 ini belum ada mendengar apa² juga khabar yang tertentu. Ini ada-lah saya dapat tahu datang-nya daripada Jurutera Kerja Negeri Selangor sendiri.

Jadi saya berharap perkara yang serupa ini tidak akan berlanjutan

kerana yang ini boleh menjadi salah faham kepada Kementerian Pembangunan Negara bahawa yang penduduk² di-Sabak Bernam tidak begitu mengambil berat atau tidak mahu menyambut seruan dan kemudahan yang di-beri oleh Kerajaan.

Jadi itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sa-lain daripada itu saya sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh kepada semua kakitangan Kerajaan yang telah menyumbangkan tenaga dan fikiran-nya untuk menjayakan pembangunan negara kita ini dan saya harap segala rancangan yang akan di-jalankan di-dalam negeri kita ini akan penoh mendapat kejayaan. Terima kaseh.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Sarawak): Mr Speaker, Sir, the Honourable Deputy Prime Minister in introducing the motion said that the Government hopes to carry out similar studies soon on agricultural research and development, forest development and land capability in Sabah and Sarawak. The question is, why "hopes" why "soon"? One would have thought that these studies were already underhand if not completed. How could any development plan be launched, unless necessary data are available—and, of course, no data can be available unless there are intensive and proper studies. It, therefore, leads one to wonder whether we have got the case of putting the "cart before the horse". In an essential primarily agricultural country, particularly Sabah and Sarawak, land availability, land capability, are the key to any development planning. Sarawak has a land area of 48,000 square miles, nearly as big as all the States of Malaya put together and yet only 2.5% of this land mass is alienable and held under title. It may sound fantastic but it is true; in fact, the irony is that there is land-hunger in Sarawak. Therefore, how can any agricultural development be successful in these circumstances?

Mr Speaker, Sir, we have come here to consider, and approve the estimates of funds for development and I do

not think that we can budget for incentive which be present as an essential ingredient for the Development Plan to succeed. I think the Deputy Prime Minister was right when he said, "what is most needed at this stage to our development is not only the amount of funds but also the will to work." The will to work will be lacking, if there is no security of tenure, or if the Government is indulging in a policy of spoon-feeding by way of getting votes. People will work, if they know that they will get a fair return for their labour. In other words, conditions must be created, whereby incentive and will to work can be generated and prompted. Confidence and trust in the Government, including the State Government, is also essential to my mind in obtaining this condition.

Let me, Sir, take an instance under Head 135, Sub-head 120, Nonok Peninsula Drainage and Irrigation Scheme. A sum of \$5.5 million has been provided for, but this scheme will be postponed to after 1970. At the last State Legislature, Council Negeri, in Sarawak, I asked the Minister concerned why this project had to be postponed—and by the way, Sir, this Peninsula has the best and richest soil in the First Division of Sarawak, but because of the lack of irrigation, and the flood of salt water on to the land, the soil has been reduced to very poor state. The Minister concerned told the Council that the farmers there, or a large number of them, were unwilling to give up part of the land for drains for the purpose of development. Now, Sir, this is a scheme to save their lives, and yet they refused to be saved.

There are two interpretations, one is that there was a gigantic misunderstanding, and the other is that the people in Sarawak have no confidence in the State Alliance Government; and by the look of things, I think the second interpretation is more probable. With a lot of bickerings and scramble for position in the Sarawak Alliance, the people of Sarawak are getting fed up with the Sarawak Alliance Government, who has forfeited the right to govern. That is the reason why we say that the General Elections in Sarawak cannot

on any account be postponed. We have heard a lot of distant rumbling of the elections to be held in August or September this year, but so far no basic preparation has been done. The electoral boundaries have not been made public, and the registration of voters has not been carried out. I understand that the administrative officers all over the State were told to stand by ready to register voters as long ago as the latter part of last year, but no go-ahead signal has so far been given. Why this delay? Is there a deliberate attempt to delay this, and use it as an excuse for postponing the elections? The people of Sarawak are entitled to know a straight answer to this: are we to have General Elections in 1967 or not?

The Honourable the Minister of Commerce and Industry in his last visit to Sarawak was quoted by the local press to have said that, if the people do not return the Sarawak Alliance in the State election, Sarawak will be treated like Kelantan, and development funds to Sarawak will be withheld or not forthcoming, or words to that effect. I hope he would clarify this rather outrageous statement. Is not the Development Fund public to which all taxpayers including those of us in Sarawak contribute from year to year? Why should a change of State Government deprive the people of Sarawak of their share? Let me say this; if any discriminatory measures were taken against Sarawak on this score, we might see the disintegration of Malaysia.

I mentioned earlier on the availability of land to the landless. Mr Speaker, Sir, what is certainly lacking in Sarawak now is a bold imaginative and progressive land policy. At the moment, and for many years past, much of the land has not been properly used. Much of the crops are on unsuitable soil and good soil is planted with unsuitable crops. As a result, productivity is low and the standard of living of the people can hardly be raised. Through ignorance, or, perhaps, through stubborn adherence to traditionalism, the economy of the rural people become stagnant. Now, what has the Government done about this? Given a dynamic leadership and a proper approach, this

sorry state of affairs can easily be remedied. Another reason for a proper land policy is that land disputes between neighbouring kampongs among the indigeneous people are now increasing. When land holding depends on customary right, this problem can never be solved, unless a new approach is adopted. If people occupying land under customary rights, or communal rights, are assured that under the new land policy their livelihood will not be adversely affected, and instead it will enhance their income, because of proper planning, their fears of losing their heritage, I am sure will be allayed. Thus, a lot of land would be made available to the landless farmers, who are now on State land on sufferance or illegal occupation. The solution is so obvious, and it is not so difficult to accomplish—everyone can easily see it, except the Alliance Government. This alone is sufficient to my mind an indictment against the Sarawak Alliance Party and the Sarawak State Alliance Government.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said (Rembau-Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap dan menyokong Pembangunan Negara yang di-untukkan lebih daripada \$800 juta, Dato' Yang di-Pertua, yang mana perkara ini tidak terlintas di-hati kita sejak 10-15 tahun yang lalu. Walau bagaimana pun, pembangunan ini telah dapat kemajuan di-luar² bandar dengan tidak ada tolok banding-nya. Perbandingan yang telah ada di-Negeri saya, Negeri Sembilan, sana yang terutama-nya berkenaan dengan Pembangunan Tanah F.L.D.A. yang mana telah berjalan dengan pesat dan memuaskan.

Dan daripada yang demikian penduduk² di-kawasan Rembau-Tampin sana tidak puas hati dengan keadaan² ini kerana mereka tidak dapat mengikutinya. Mereka berharap dengan pertolongan atau galakan daripada Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan Negeri membuka tanah² pinggir. Ini ada-lah satu masalah yang boleh menampung mereka² yang tidak dapat tanah F.L.D.A. ini supaya mereka boleh mendapati tanah² pinggir ini. Saya sa-memang mengaku-lah di-kawasan saya

sana tanah pinggir ini boleh di-katakan mengatasi kawasan² lain. Tak tahu-lah bagaimana Ahli daripada Batu tadi mengatakan kawasan pinggir semua jahanam: tetapi sila-lah datang, saya sedia mengiring beliau, menunjukkan tiap² tanah yang telah jadi di-negeri saya sana.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, saya tidak berkata semua ranchangan yang di-buat oleh F.L.D.A. tak berjaya. Saya chuma kata ada beberapa ranchangan tidak berjaya.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said: Tetapi, yang sa-benar-nya di-negeri saya, saya tidak mengaku-lah benda yang tidak berjaya ini. Memang berjaya-lah tanah pinggir ini 100%. Saya harap kepada Kerajaan Pusat supaya menimbangkan sa-mula atau menggalakkan Kerajaan Negeri membuat tanah² pinggir ini supaya, macham mana saya katakan tadi, boleh menampung sa-tengah² peserta² tanah pinggir ini, mereka ada mempunyai dua tiga ekar tanah—mereka tidak dapat mengikutinya Ranchangan F.L.D.A. ini kerana mereka tidak dapat meninggalkan harta² mereka yang telah sedia di-kawasan. Ini-lah saya berharap kepada Kerajaan Pusat supaya menimbangkan balek.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua-nya saya berchakap berkenaan dengan lembu pawah di-mana di-kawasan saya lembu² pawah atau pun kerbau pawah ini berjaya 100%. Jadi, saya minta-lah kepada Kementerian ini supaya meluaskan lagi ranchangan ini, dan menjauhkan bagaimana keadaan yang kita takuti kekurangan² daging atau pun kekurangan² binatang dalam negeri ini.

Malapetaka banjir di-Kelantan, Dato' Yang di-Pertua, ini ada-lah satu malapetaka yang telah memusnahkan berpuluh² ribu binatang. Binatang² atau pun lembu² di-pawah ini sa-memang di-bawa daripada negeri ini, daripada negeri Kelantan. Tetapi, sa-kira-nya tidak dapat Kerajaan membawa daripada negeri Kelantan, maka berharap-lah saya supaya Kerajaan membawa binatang² ini daripada negeri Siam supaya dapat memenohi kehendak²

ra'ayat negeri ini dan menjauhi daripada mala petaka dan kekurangan binatang² di-negeri ini.

Saya berchakap sedikit berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan iaitu satu perkara yang hendak saya chakapkan di-sini berkenaan dengan lambat-nya keretapi² sampai kasteshen² yang mana tidak mengikut jadual. Ini ada-lah satu perkara yang di-runguti oleh ra'ayat, atau pun penumpang² keretapi. Ini terpulang-lah kepada Kementerian ini yang bijaksana supaya menetapkan atau pun menyamakan bagaimana yang di-tetapkan. Ini saya fikir boleh mengurangkan macham mana yang kita dapati Kementerian ini telah rugi bermillion² ringgit walau pun tidak dapat mengatasi kerugian ini tetapi saya fikir boleh merengankan sedikit sa-banyak kerugian yang bermillion² ringgit.

Sa-perkara lagi yang saya hendak chakapkan bagaimana dengan Kementerian Kesihatan di-mana saya memberi tahniah kepada Menteri ini yang telah dapat membuat hospital baru dan hospital yang moden terutama di-negeri saya, di-Negeri Sembilan sana. Demikian juga saya berharap Menteri ini walau pun telah berjaya mendirikan hospital² ini jangan-lah Menteri ini lupa hospital² kecil di-mana kawasan² yang kecil, sa-umpama di-Gemas di-sana, ada satu hospital yang berkali² meminta 10 atau 5 buah katil sahaja buat sementara menanti atau pun sementara meletakkan orang² sakit yang hendak di-hantarkan ka-hospital² yang besar.

Pada akhir sa-kali, saya suka hendak berchakap dengan Menteri Pelajaran berkenaan dengan Badan Pengurus Sekolah sa-macham mana yang di-katakan oleh sahabat saya dari Seberang Utara tadi. Saya sa-memang-lah tidak bersetuju dengan chadangan itu. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya membuat satu peratoran bagi Jawatan-kuasa, Jawatan Pengurus Sekolah itu dengan guru² supaya dapat di-selesaikan atau pun dapat di-jauhkan pergadohan yang tidak putus² di-luar bandar sana. Sekian-lah terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Speaker, Sir, this long session of the House has given us probably an opportunity to look at the trend of things. In talking over the Development Estimates, one cannot help but be impressed by the fact that through the course of this session of the House, first, we have the Honourable the Prime Minister himself talking about good Communists and bad Communists, then the Honourable Minister for Home Affairs saying that unless we take care of things there is a possibility that democracy might not survive, and now we have the Honourable Deputy Prime Minister, in introducing the Development Estimates, asking us to galvanise ourselves, in order to meet the challenges ahead.

However, Sir, in so doing I cannot help but remark upon two other statements he made. One was the reference to the rising costs of administration, in which case he took the opportunity to inveigle the members of the Civil Service to cultivate maximum dedication to service and self-criticism, in order to do better. I wonder, Sir, whether this is not adopting some form of Communist ideology, or the good Communist ideology of self-criticism, or *hsieh shih*, in the Alliance ideology. On the other hand, Sir, we are much more perturbed by the fact that the Honourable the Deputy Prime Minister made the allegation that Opposition members were not willing to admit often that the Government had planned wisely. Sir, between the two possibilities of self-criticism and self-righteousness, and self-development within one party system, we uphold the democratic principle that, probably, the Opposition can help the Government to think more wisely. Our opposition to a lot of the proposed Development Plan, Sir, are not due to the fact simply, because we do not want to admit, or we are stubborn in admitting, but in fact we fundamentally do not agree that the Government's Development Plan is as realistic, or as sound as it purports to be; nor in fact are we convinced that for all that the Government has stated in the Treasury Memorandum and in the

introduction by the Honourable Deputy Prime Minister, the Government will exercise maximum economy and efficiency in the use of public funds, that the Government is in fact so doing, that the Government has in fact cut down the frills of the provisions for development.

Sir, I would like first to illustrate in further detail, a matter which the Honourable Member from Sarawak, the Honourable Mr Stephen Yong, had touched on earlier, namely our Government in making its plans for development has probably put the cart before the horse. He has touched in great detail on the necessity for introducing elections, whereby a stable government in Sarawak, a government which could command the respect of the people in Sarawak, should be installed as soon as possible, in order that development plans can be carried out and, Sir, we have other instances of such a situation.

For example, Sir, in both the introduction of the Development Estimates by the Honourable the Deputy Prime Minister, as well as in Command Paper No. 51, which is the Treasury Memorandum on the Development Estimates, in paragraph 12, mention has been made upon the provision for undertaking an overall transportation study for Malaysia as a whole. Sir, we see the details under the Prime Minister's provision in the Development Estimates of half a million dollars. Sir, what one first of all would like to ask, as indeed was asked by the Honourable Member from Sarawak, is why was it that this survey—overall survey on transportation—had not preceded the provision for the First Malaysia Plan. In actual fact, Sir, what we in the Opposition certainly feel is that with the undertaking of the U.N.D.P. team, it is very likely that the provisions for works, posts and telecommunications and the transport development items may have to be substantially revised.

Sir, we have heard, during the course of the Supply Bill, mention of extensive changes being undertaken in the deep

water wharves in Butterworth, an indication of introduction and changing of transport system to meet containerisation. Well, Sir, this type of change will certainly mean very extensive changes not only in the First Malaysia Plan but extensive changes in the whole of our provisions for the Development Estimates. Sir, as far as we can see, it appears that the Government's guide lines for the formulation of the Development Estimates may have to include a fourth factor, namely, revision of the plans on recommendations following surveys or on examination of the success or otherwise of the plan after it has been initiated.

Sir, I think I can point out two immediate examples of the type of situation, which we are a little bit critical of. For example, Sir, in 1966 there was a provision of \$10,000 for a survey of the provision of a dental school in Penang. Now, following that provision of \$10,000, there is a blank for 1967. We do not know, Sir, how long that kind of blank will go on until the provision is undertaken. So, it means, Sir, Government has made a survey in 1966, it does not follow up upon the survey, and there is no provision at all. What has happened to the \$10,000 survey?

Sir, in these particular Development Estimates, we have provision for a survey on providing a fisheries college and a fishing port in Penang Island. Sir, on the one hand there is a provision of \$20,000 and on the other hand there is provision of \$10,000. We wish the Government honestly to assure us that this survey will not, as in the case of the dental school, end in 1967, so that having undertaken a survey in 1967, in 1968 we will have nothing at all. We would expect, Sir, a survey to proceed from the *status quo* to something else.

Sir, I mention this question of Government putting the cart before the horse with regard particularly to this U.N.D.P. survey team on transport, and I do so, Sir, with particular reference to the question of the opening up of the whole of the East/West hinterland in the North to serve

the port of Penang. Sir, we noticed that in the provisions for the Development Estimates there is a provision for new road. We would like Government to assure us that under that provision this East/West road, which has been talked about for a long time, will definitely be made into a reality; otherwise, the amount of money the Government is now spending in developing the wharves and the port area in Butterworth may not be linked up with the natural resources, nor the hinterland, which the opening up of the East/West road in the North would bring to the North of Malaysia.

Sir, I would not like to touch on further details on this Development Budget until we come to the Committee stage, but there is another indication of Government's lack of real intention of cutting down frills. Sir, in page 51, under Government Housing, sub-head 14—Sabah, V.I.P. Guest House, Jesselton, \$140,000: it is given top priority to the extent that this year there will be a provision for a V.I.P. Guest House in Jesselton. Sir, I realise that Government is aware of the need to develop Sabah and Sarawak, but I do not see, Sir, where the provision for a V.I.P. Guest House is contributory either to the economy, or the future employment, or the economic growth of Sabah. Sir, here we have a clear-cut instance of Government talking on the one hand that it is determined to practise maximum economy and maximum efficiency, and a provision on a high priority for a non-economic project.

Sir, I would like to end up in general by saying that we in the Opposition have been conscious, particularly in the last two years, of this ambivalent theme by the Ministry of Finance and the Treasury, one of buoyancy and one of despair; and now the Honourable Deputy Prime Minister has come out with the idea that Malaysians must galvanise themselves to meet the challenges of our development. Sir, I say that one of the things to do, in order to galvanise the people is, first of all, for the Government benchers, or the Government leaders themselves,

to galvanise themselves into greater activity. I would say that certain leaders of the Alliance Government certainly are working to full capacity, but certainly in the Opposition, Sir, we cannot afford the same criticism, or the same accolade to every single Member of the Government benches at all. Sir, if you work it out in terms of ratio, it is quite possible that a third, or just like an iceberg, one-ninth of the Government is carrying the weight of eight-ninths of the whole of the Government. Sir, we advise, also, the Government not to go on telling the people that we have the best standard of living in South-East Asia. The people must be told the truth.

Under the introduction of the First Malaysia Plan, we were told that the success of the Plan depends critically upon foreign aid, or Aid to Malaysia Club. It was critical. This year we were told the aid was not entirely forthcoming, and there was an appeal made by the Honourable Deputy Prime Minister for more aid. So, Sir, the Plan and the development schemes of Government are dependent on far too many speculative features, and we consider the fact that, as they are not properly undertaken on a full survey, they are somewhat unrealistic. We are also conscious of the fact that the Honourable Minister of Finance has constantly warned us of the increasing public debt. Sir, when we are tying-up our development projects for economic development and for income and employment generating projects, we expect that the Government should be able to tell us exactly how much income we are expecting from these projects and how much employment-generation we would expect from the projects. We have to balance, therefore, Sir, the question of what the Honourable Deputy Prime Minister has stated, that our nation is credit worthy, against the fact that in spite of all our people's efforts we will have to meet an increasing public debt, recurrent annual public debt, which will cut down into our annual expenditure and eventually cut down even into our surpluses, as it has already so done this year.

Sir, we would like to see, for example, that the Treasury Memorandum would not just end as it does in paragraph 10, as it has done in the past, or just providing us with an indication that 60.2 per cent of the expenditure of the Development Estimates is being spent for economic projects and 20.8 per cent for social services, so much for government, so much for defence, and so much for internal security. In view of the fact that the Government's first guide line is to provide urgent continuation and other economic projects, which are income and employment generating, I think it is only fair to this House if the Government allows this House, or informs this House to what extent we can expect, or to what amount we can expect, these projects coming under economic projects to be really economic, really income and employment generating and also to inform us how much public debt we are going to incur in the long run, because, Sir, if we go through the provisions of the Development Estimates we would realise that quite a substantial amount of the estimates are provided for by loans—and loans means repayments.

Sir, with this general comments, I would say that I wish that the Honourable Deputy Prime Minister and the Government, in fact, would not treat the Opposition as an unnecessary adjunct in this House, and that self-criticism amongst the Government benchers will not be the same as self-criticism in the Civil Service, that if democracy is going to prevail the views of the Opposition are always contributory, and on our part we would like to see the nation galvanise itself for a leap ahead for national development. But let us know what we have to do and let us know exactly what our difficulties are—Don't bluff!

Sitting suspended at 5.30 p.m.

Sitting resumed at 5.50 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, oleh

sebab masa terlampau singkat, saya chuba mencheperatkan sa-berapa boleh ucapan saya.

Saya suka membahathkan peruntokan pembangunan bagi tahun 1967 ini yang mana peruntokan pembangunan ini ialah peruntokan yang menjadi harapan dan yang di-tunggu² oleh sa-genap lapisan ra'ayat dengan harapan akan dapat membaiki taraf hidup dan nasib mereka dan juga anak chuchu mereka di-masa² yang akan datang. Manakala saya mengkaji peruntokan pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan kedapatan-lah bahawa satu gulongan ra'ayat negeri ini telah terbiar atau pun telah di-anak-tirikan didalam masaalah pembangunan negara kita ini. Gulongan yang saya maksudkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah gulongan kaum nelayan yang mana pernah beberapa kali di-suarakan didalam Dewan ini berhubung dengan tidak ada-nya satu ranchangan besar di-utokkan khas bagi kaum nelayan yang mana menjadi satu gulongan besar juga daripada ra'ayat negara kita ini.

Terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, kaum² nelayan di-Pantai² Timor yang terdiri di-sa-panjang² Pantai Timor—Pahang, Trengganu dan Kelantan, yang mana mereka ini nasib dan kedudukan mereka belum berubah sejak daripada zaman penjajahan sahingga-lah kapada zaman ini dan mereka ini-lah gulongan yang belum, boleh di-katakan, belum mengechap ni'mat kemerdekaan negara kita ini. Kalau-lah di-tengok dalam peruntokan pembangunan ini yang lebeh daripada \$836 juta ini, yang mana peruntokan kapada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama berjumlah lebeh daripada \$98 juta, tetapi peruntokan untuk perikanan dan untuk kaum nelayan hanya-lah lebeh daripada \$3 juta sahaja. Ini ialah peruntokan yang paling sedikit untuk membela, untuk mengubah keadaan nasib kaum nelayan yang sudah begitu lama menderita di-dalam negara kita ini.

Kalau-lah pehak Kerajaan sanggup mengadakan kemudahan² kapada kaum² peladang dengan menchurahkan berpuluh² juta ringgit, bahkan hampir

beratus² juta ringgit kepada ranchangan² F.L.D.A. juga kepada kaum² tani, menchurahkan wang beratus² ribu ringgit untuk ranchangan² taliayer, kenapa-kah Kerajaan tidak mengadakan satu peruntukan yang besar untuk membela kaum² nelayan dalam negeri kita ini? Beri-lah mereka pelajaran², chara² menangkap ikan sa-chara moden, beri-lah mereka bantuan² saperti alat² menangkap ikan sa-chara moden untuk meringankan penderitaan mereka ini, yang mana gulungan nelayan ini ada-lah satu gulungan yang paling menderita sa-kali hidupnya dalam negeri kita ini.

Mengikut penyiasatan yang di-buat oleh Professor Engku Aziz yang di-siarkan di-dalam majallah Dewan Bahasa baharu² ini, pendapatan tiap² orang kaum nelayan, khas-nya di-Pantai Timor, ia-itu di-Kelantan dan Trengganu, yang mana penyiasatan itu di-buat di-Trengganu, di-Kuala Dungun dan di-Kuala Kemaman, pendapatan tiap² sa-orang kaum nelayan ini kalau di-hetong panjang hanya-lah 25 sen sahaja sa-hari.

Chuba-lah kita gambarkan di-dalam kepala kita dan fikiran kita, bagaimana-kah satu gulungan manusia di-dalam negara kita ini yang dapat hidup dengan pendapatan 25 sen sa-hari? Maka sebab itu-lah mengikut penyiasatan-nya itu jumlah kematian yang di-bawah umur, ya'ani umur yang pendek tak sampai 60 tahun, kebanyakan-nya terdiri daripada kaum nelayan. Sebab² kematian ini kebanyakan-nya kerana tidak chukup zat makanan dan lain² lagi kerana kemiskinan mereka itu.

Bagitu-lah juga dari segi pelajaran anak² mereka yang boleh di-katakan gulungan nelayan ini-lah satu gulungan yang terbesar sa-kali anak² mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran kasekolah² bukan sahaja ka-pelajaran tinggi bahkan pelajaran rendah pun mereka tidak dapat pelajaran rendah kerana terlampau miskin untuk membeli buku² dan pakaian sekolah kanak² mereka. Sudah-lah, Tuan Yang di-Pertua, nasib mereka ini tidak mendapat perhatian yang wajar dari Kerajaan dari segi pembangunan, ada pula

tekanan² yang sa-chara langsung atau tidak langsung yang di-kenakan ka-atas mereka ini, umpama-nya, baharu² ini dengan kenaikan chukai minyak disel. Nampak-nya pehak Kerajaan telah bertimbang rasa dengan pemandu teksi walau pun harga minyak disel itu naik tetapi chukai atas penumpang-nya di-buangkan. Bagitu juga Kerajaan telah bertimbang rasa dengan kompeni² bas walau pun chukai minyak disel itu di-naikkan tetapi enjen² disel bas itu di-murahkan harga-nya, di-potong chukai-nya, tetapi Kerajaan tidak ada bertimbang rasa dengan kaum² nelayan yang mana menggunakan motor² boat kecil, yang menggunakan minyak disel. Kaum nelayan ini, saya perchaya, lebeh besar bilangan-nya daripada bilangan penjalan, kereta² sewa, dalam negeri ini.

Di-Kelantan dan Trengganu sahaja angka ini lebeh daripada 2,000 buah ia-itu-lah motor² boat kecil yang menggunakan minyak disel. Jadi dengan kenaikan chukai minyak disel baru² ini, belanja mata pencharian mereka, belanja mereka pergi ka-laut sudah bertambah. Kalau dahulu mereka hanya menghabiskan lebeh kurang \$10.00 sa-hari untuk minyak, sekarang mereka telah terpaksa membelanjakan \$12.00 atau pun \$13.00 sa-hari untuk perbelanjaan minyak, motor² boat mereka, sedangkan pendapatan mereka bukan sahaja bertambah bahkan berkurangan dengan perlumbaan dengan pukut² harimau haram yang bermaharaja-lela sekarang ini. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya minta supaya pehak Kerajaan memberi pandangan yang wajar pada gulungan nelayan di-negeri kita ini.

Menyentoh sadikit, Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Pengangkutan. Saya ingin mendapat tahu apa-kah dasar Kementerian ini dalam membenarkan sharikat penerbangan Antarabangsa, sharikat penerbangan² asing untuk mendaratkan kapal² terbang-nya di-lapangan terbang Antarabangsa di-Subang di-Kuala Lumpur ini. Kerana saya dapat tahu baru² ini Sharikat Penerbangan Antarabangsa Pakistan (Pakistan International Airlines) telah membuat permohonan

untuk mendaratkan kapal² terbangnya di-Padang Terbang Antarabangsa Subang tetapi telah di-tolak oleh Kementerian ini, oleh Kerajaan kita. Apa-kah sebab-nya? Ada-kah ini kerana ada sa-gulungan daripada mereka² dalam negeri ini yang tidak suka melihat perhubungan² baik antara Kerajaan kita dengan sa-buah Kerajaan Islam, Kerajaan Pakistan itu? Sedangkan Kerajaan Pakistan sa-buah daripada negara² dalam lengkungan Commonwealth yang mana boleh dikatakan negara² Commonwealth di-sini selalu-nya di-beri pertimbangan² yang istimewa kalau di-banding dengan negara² lain.

Saya rasa boleh jadi ada satu gulungan dalam negara kita ini yang tidak suka melihat perhubungan baik antara negara kita dengan Pakistan yang mana hinggakan baru² ini perhubungan diplomatik kita terputus bahkan hanya-lah baru² ini sahaja perhubungan itu di-pulehkan sa-mula.

Menyentuh sedikit lagi berhubung dengan Sharikat Penerbangan M.S.A., yang mana saya mendapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada anak² bumiputera menjadi pegawai² di-pajabat² M.S.A. di-luar² negeri dan bukan sahaja itu, saya mendapat tahu lebeh daripada 90 peratus daripada pegawai² M.S.A. di-pejabat²-nya di-luar negeri kebanyakan dari ra'ayat Singapura, tidak dari ra'ayat Malaysia. Jadi saya berharap-lah sebab Kerajaan kita juga mempunyai share yang sama dalam sharikat M.S.A. ini. saya berharap supaya Kerajaan kita dapat memberi peluang yang besar kepada ra'ayat kita untuk berkhidmat menjadi pegawai² di-dalam Sharikat M.S.A. ini.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh: Mr Speaker, Sir, I shall be very brief. I would like to compliment the Ministry on presenting these Development Estimates. I am sure the country could do with more schools, with more roads and more hospitals, if we have more finance. In this respect, the many friendly countries, who have been paying us lip-service, could do us a

lot of help now, when the country requires to develop its natural resources, when the country requires to put the have-nots on their feet, instead of waiting until it is too late as what is happening in Vietnam. We would now request the friendly countries to give us what help they can, without too many strings attached and that the strings become much heavier than the help that they are giving us.

In this connection, Mr Speaker, Sir, it is also very glaring to note that though the prices of finished products, almost all finished products, all over the world are going up, the prices of the natural resources on which the economy of our country has to be built have dropped very considerably—namely, the prices of tin and rubber. Though we have gained political independence, we are still tied economically to the big powers, who have in their power to reduce the prices of these staple exports of our country. I would appeal to these countries to give us what help they can, to give us trade and not aid to help us develop our country to help the have-nots, so that we will become a partner in fighting the evil influences of communism.

Next, Sir, I would like to say a few words on rural development. When this country gained independence in 1957, the leaders of the Alliance Party very correctly focussed their attention on the poor, the have-nots, who are mostly in the rural areas. With a view to helping these have-nots, rural development has gone ahead, and we have done as much as we could. New roads have been built, schools have been put up, and whatever we could do we have done for these rural people, who are mostly in the kampongs.

Sir, there is another group of people, mostly in the estates who have so far not benefitted very much from rural development. These citizens of our country have been the backbone of our economy, and they have for years laboured and died, in most cases unattended, because the hospitals in these estates were hospitals only in name.

We are aware that the estate workers are the least paid and are housed in the most uncomfortable and unhygienic manner. I have myself visited many of their schools, and I find that many of their schools are definitely sub-standard. The results of the schools are definitely below average, because of the poor conditions under which these people have to work. Now, these poor children and their parents are in danger of losing their livelihood, if fragmentation is not checked in time.

Sir, various Heads of Departments from the various States, various Menteri² Besar, various State Councils, have given their opinion against fragmentation but here, I am subject to correction—the Central Government has not given any clear-cut decision that would satisfy these workers that this danger of fragmentation that hangover their head has been removed. I am sure it will be very encouraging and will be a happy day to them, when we can assure these people, who have helped to build up the economy of our country, that they will be looked after in the same way as we have looked after the rural population in other sectors.

Alongside with this, Mr Speaker, Sir, where the fragmentators have been able to fragment without much difficulty, when it comes to division, or sub-division, of lands within the towns which are not agricultural, I am informed by my friends in Negri that they face an unexpected difficulty in sub-dividing lands which, I emphasize again, are not agricultural and are within the boundaries of the town. I am informed that a number of applicants for sub-division of the above lands were asked to apply for a change of condition from the category of agricultural to that of housing, and for this they were asked to pay an extra amount, whereas if such lands were originally held under grants or certificates of title, the owners would not have been required to pay this extra amount. These said lands have been within the town for a long number of years, and I am informed that according to section 33 (1) of the Land Code

Chapter 138, “the Ruler in Council may require the proprietor of any such land to deliver up his documents of title and may cause the entry in the Mukim Register to be cancelled and a grant for the land to be registered and issued free of charge”. This in most cases have not been done by the Land Authorities, and for no fault of their own, I am informed, these people who wish to sub-divide their lands are now being ask to pay an unnecessary premium. I hope the Minister in charge will be able to look into this.

Now, I would like to say a few words on schools. Since our independence, we are proud to say that we have promised every child in the country not only a place in the school but free education up to a certain stage. Of course, there are a few requirements which, as I said, the country is not able to meet because of shortage of funds, but I would still appeal to the Ministry to give more attention to the schools in the rural areas, because the parents there can afford hardly anything from the small wages that they earn. In many cases, the children of these small areas have to travel 10 or 12 miles and it costs them one dollar for every mile for bus fare alone; in addition, the parents have to provide them with pocket money.

I would draw the attention of the Ministry to two areas in my constituency of Port Dickson, namely Pasir Panjang and Chuah. The children in these areas travel on an average of 12 to 15 miles, and I am definitely aware that many parents, in spite of the fact that school fee is free, are not able to send their children to school because they cannot afford the bus fare and they cannot afford the school fees that has got to be given.

Another small item that I would draw the attention of the Ministry to is the Tamil school that has existed in Seremban Town for, I think, almost a quarter of a century; but some years ago, when other areas are being supplied with new schools, for reasons I would not like to mention here, the

school was closed and the children were transferred to a private school or an aided school. I hope that in the next Estimates, it will be possible for the Ministry to set aside funds for a school in Pasir Panjang, in Chuah, and a Tamil School in Seremban.

Speaking next on the Ministry of Transport, some of our Opposition friends have thought it fit to criticise our airport. I would like to remind our friends that not very long ago the only airport that we could boast of was an attap shed, and today we have an airport that is up to international standards. It has got to be agreed that we do not at present attract as much air traffic as we would like, but you cannot get international airlines coming into your airport unless you have an international airport where they can land safely, and it was very gratifying to hear from the Minister that arrangements are being made to bring in more and more international airlines, so that it will not be long before we can expect to see our airport being used as it should be.

Another thing that I have in mind is, I feel that transport and tourism should go together and I would like to make a suggestion if tourism could be put under transport, because after all tourism is part of transport, and the Minister of Transport would be able to arrange facilities not only for tourists to come by air, but also those who come by train, and those who would like to see our country by road. Another suggestion I have in the way of tourism is that we would like more of our Malaysians to see more of Malaya. I am informed that Railway employees are allowed to travel once a year with their families at a very special rate, and I would like to make a suggestion to the Ministry. Government servants are allowed annual leave, and in many cases they are forced to forfeit their holiday because they cannot afford to take their family away from home. So, I would suggest that if these Government servants wish to avail themselves of this holiday, it may be possible for the Minister to allow them to travel by rail at a special rate, may be single

fare for double journey, or single fare and a half, provided this concession was not taken during the holiday season when the trains are usually already fully packed. That is all, Sir, Thank you.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah memberi perhatian yang besar sa-lain daripada memberi ranchangan² kemajuan kepada luar bandar, telah memanjangkan pula pada kawasan² di-bandar². Dengan ini dapat-lah kira-nya penduduk² di-kawasan² bandar boleh menikmati ranchangan² kemajuan negara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, semenjak ranchangan kemajuan luar bandar ini di-lancharkan, kita telah dapat membuktikan kemajuan² dan kejayaan² yang telah berlaku, umpama-nya, murid² sekolah telah meningkat sa-bagitu banyak, jalan² dan ranchangan² lain sedang di-ator dan telah pun di-ator bagitu juga banyak kenderaan² telah di-gunakan di-dalam negara kita ini. Dengan ada-nya demikian, kita berharap supaya negara kita ini dapat menunjokkan kebaktian-nya kepada ra'ayat sakalian, khas-nya dalam negara kita dan juga di-negara² luar negeri. Di-dalam menjalankan ranchangan² ini saya suka-lah hendak menyatakan sa-kira-nya Kerajaan ini dapat melancharkan usaha² yang saya fikir patut mendapat perhatian yang lebih besar terhadap dua perkara yang saya hendak sebutkan ini.

Pertama, hendak-lah memberi pekerjaan² kepada penganggor² yang sedang bagitu banyak di-dalam negara kita ini dan yang kedua memberi perlindungan. Maksud saya perlindungan ini ia-lah supaya tiap² sa-orang penduduk atau ra'ayat di-dalam negara kita ini ada mempunyai sa-kurang²-nya sa-bidang tanah yang kecil untuk kediaman rumah tangga mereka.

Kita dapat tahu hari ini, beribu² orang, beribu² penduduk dalam negara kita ini yang tidak mempunyai tanah

untuk mendirikan rumah sa—bagaimana yang kita tahu hari ini beribu² orang telah mendudoki tanah² haram dan bagitu juga beribu² orang yang mendudoki tanah² orang. Saya suka-lah memberi satu pendapat hari ini sa—kira-nya perkara ini tidak dapat diatasi, maka harus-lah tidak dapat kita memberi sa—penoh² keperluan yang dikehendaki oleh ra'ayat kita.

Ada sa—bidang tanah di—kawasan saya hari ini yang telah pun di—beli oleh sa—orang saudagar dan konon-nya tanah itu hendak di—jadikan tempat kediaman atau pun tempat hendak mendirikan projek perumahan. Di—dalam tanah itu ada mempunyai lebeh kurang 59 rumah menumpang, maka tuan tanah itu telah pun menghantarkan notis supaya rumah² ini di—pechah²kan dan orang² ini hendak-lah keluar daripada tanah itu.

Maka ini—lah satu perasaan saya yang sedeh, kira-nya ra'ayat kita hari ini di—pindah²kan ka—tempat² yang tidak sesuai daripada tempat kediaman mereka sekarang. Saya suka hendak menyampaikan ucapan terima kasih hasil daripada ini kapada Kerajaan Persekutuan dan juga kapada Kerajaan Negeri yang telah menitek beratkan usaha yang sa—benar²-nya bagi menolong lebeh kurang 1,600 penduduk² yang telah di—timpa satu bahaya—bahaya di—halau keluar hasil daripada jualan Brown Estate. Tetapi hari ini alhamdulillah dengan usaha penduduk² itu sendiri dan dengan pertolongan daripada Kerajaan Pusat memberi pinjaman untuk membeli sa—mula tanah itu kapada ra'ayat di—situ, hari ini ra'ayat² di—situ telah pun mengadakan sharikat masing² bagi membolehkan tiap² sa—orang itu mendapat tanah sa—chukup untuk mendirikan rumah masing². Ini saya suka-lah hendak menyatakan ucapan terima kasih bagi pehak ra'ayat² yang di—sana.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di—Pertua, yang harus mendapat perhatian Kerajaan hari ini, yang harus pada pendapat saya terbiar sedikit ia—itu satu gulungan ra'ayat yang telah memberi pengorbanan kapada negara kita ini yang sa—gulungan hari ini maseh lagi

terbiar sa—telah mereka menjalankan kerja² bagi negara ini—saya maksudkan kapada bekas² askar. Kita tahu tiap² sa—orang askar hari ini yang bekerja semenjak tujuh tahun, kemudian telah habis tempoh-nya, ada sa—tengah²-nya di—panjangkan tempoh-nya lagi lima tahun menjadi 12 tahun, sa—telah itu pula pekerjaan-nya telah habis, maka pulang-lah mereka² ini ka—kampong masing². Boleh di—katakan 100% daripada orang² bekas² askar ini ada mempunyai tanggungan ia—itu anak dan isteri, dan mereka ini apabila pulang tidak tahu menjalankan apa² sa—suatu.

Saya tahu hari ini Kerajaan telah pun berusaha bagi mereka itu dengan memberi lesen kereta² teksi dan memberi tanah² bagi mereka itu menjalankan tetapi maseh ada sa—gulungan yang besar hari ini yang maseh belum mendapat apa² pertolongan daripada Kerajaan. Kita tahu hari ini di—tiap² negeri, di—Malaysia Barat ini ada mempunyai badan askar atau Ex—Service Association. Saya berharap-lah supaya Kerajaan dapat menolong dan meminta kerjasama daripada Ex—Service Association ini bagi mendaftarkan bekas² askar yang terbiar, yang terlantar di—kampong² mudah²an dengan perbuatan yang demikian maka dapat-lah kita mengetahui bekas² askar ini yang terlantar di—kampong² yang belum mempunyai pekerjaan. Dengan hal yang demikian saya rasa tentu-lah bekas² askar ini mendapat sedikit pertolongan daripada pehak Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di—Pertua, berhubung dengan kemajuan negara ini suka-lah saya menyampaikan pandangan kapada Kementerian ini berkenaan dengan ranchangan mengadakan jalan raya di—antara negeri Kelantan—Timor Malaysia Barat ini dengan Pantai Malaysia Barat. Ranchangan ini telah pun ada mula di—rangka semenjak beberapa tahun, tetapi sa—tahu saya dalam Estimate yang di—kemukakan ini saya tak nampak ada terchatit apa² kerja hendak di—jalankan. Saya suka-lah hendak menyatakan hari ini bahawa palabohan Pulau Pinang, dua daripada dermaga-nya harus akan siap pada

awal tahun 1968 ini dan akan berjalan terus-lah dermaga ini dalam tahun 1968. Sa-kira-nya jalan daripada Timor ka-Barat ini belum lagi di-usahakan mulaï daripada sekarang, maka saya berasa kurang yakin jalan ini dapat di-selesaikan atau dapat di-usahakan dalam masa tempoh yang sa-sengkat²-nya.

Sa-lain daripada itu suka-lah saya hendak menyatakan dalam Dewan ini—Penang Port Commission,—sa-lain daripada mengadakan dua dermaga yang biasa, akan mempunyai lagi pula dua *container berths*, ma'ana-nya suatu pelabuhan atau pun dermaga yang boleh mempercepatkan punggahan dan muatan barang² dari darat ka-kapal. Dan dermaga ini atau container berth ini harus akan dapat di-selesaikan atau pun dapat di-siapkan di-dalam tahun 1969 atau pun awal tahun 1970. Maka oleh hal yang demikian sangat-lah perlu dan mustahak-nya di-adakan jalan daripada Timor ka-Barat ini bagi menolong Pelabuhan Pulau Pinang ini mendapat bahan² hasil daripada dermaga² yang di-siapkan ini.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak menyatakan di-sini saya telah sebutkan di-dalam Dewan ini dan jawapan yang saya terima daripada Menteri Kewangan berkenaan dengan permintaan saya meminta supaya ferry service itu di-adakan 24 jam. Jawapannya boleh ada Kastam tetapi harga atau pun upah-nya untuk pungutan itu hendak-lah di-bayar oleh Penang Port Commission. Ini saya rasa pelek sedikit, kerana Kerajaan boleh mengadakan kakitangan bagi menjaga ini dan hasil perolehan daripada chukai² itu di-pulangkan kepada Kementerian sendiri. *Penang Port Commission* tidak menerima upah atau pun chukai² hasil daripada itu. Apa-kah salah-nya.

Dua minit sahaja Tuan Yang di-Pertua

Mr Deputy Speaker: Ya, jalan.

Tuan Ismail bin Idris: Jadi apa-kah lojik-nya hal ini—apa lojik-nya pehak

Kementerian berkehendakkan supaya *Penang Port Commission* itu membayar overtime kepada Kastam² ini. Hanya *Penang Port Commission* berkehendakkan supaya di-adakan orang untuk hendak menjaga untuk faedah Kementerian Kewangan. Saya berharaplah supaya perkara ini dapat di-kajisa-mula oleh Kementerian ini muga² demi kepentingan ra'ayat di-tanah besar dan demi kepentingan ra'ayat di-pulau itu sendiri, dapat menolong melegakan sedikit keadaan yang demikian.

Akhir-nya, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan kemajuan. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang telah memberi pandangan yang pesat kepada petani² sa-hingga dapat menjalankan usaha²-nya bertanam padi dua kali setahun. Pada tahun ini di-kawasan Pulau Pinang Selatan telah menimpa sedikit bala ia-itu 1,700 ekar padi² yang di-tanam itu telah di-musnahkan oleh ulat dan tikus. Saya harap pehak Kementerian ini dapat memikirkan bagaimana-kah dapat mengatasi soal ini dan sekarang petani² di-situ sedang susah untuk hendak menjalankan samula tanah mereka ini kerana mereka tidak dapat langsung sedikit pun hasil daripada tanaman mereka pada tahun ini. Saya harap Kerajaan dapat menolong sa-kurang²-nya memberi beneh atau pun baja bagi mereka menjalankan perusahaan mereka pada kali ini.

Akhir-nya, saya suka memberi fikiran ini sa-kali lagi supaya di-dalam ranchangan hendak membena sekolah² yang di-untukkan sa-bagitu banyak. saya harap-lah supaya dalam hendak membena sekolah² itu jangan-lah dilupakan di-adakan bersama padang² sekolah supaya murid² sekolah itu tidak-lah payah lagi pergi meminjam padang di-tempat² yang lain. Terima kasih.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 9.30 pagi besok.

Adjourned at 6.30 p.m.